



GARIS PANDUAN SPESIFIK E-INVOIS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Garis panduan ini diterbitkan di bawah seksyen 134A Akta Cukai Pendapatan 1967

(TARIKH PENERBITAN: 7 JULAI 2026)

KANDUNGAN

SENARAI RAJAH.....	3
SENARAI JADUAL.....	4
RINGKASAN PINDAAN	6
1. PENGENALAN	7
2. OBJEKTIF.....	7
3. TRANSAKSI DENGAN PEMBELI.....	9
4. PENYATA ATAU BIL YANG DIKELUARKAN SECARA BERKALA.....	47
5. PEMBAYARAN (<i>DISBURSEMENT</i>) ATAU PEMBAYARAN GANTI (<i>REIMBURSEMENT</i>)	60
6. PERKUISIT DAN MANFAAT PEKERJA	67
7. PERBELANJAAN TERTENTU YANG DIBELANJAKAN OLEH PEKERJA BAGI PIHAK MAJIKAN	70
8. E-INVOIS BIL KENDIRI	72
9. TRANSAKSI YANG MELIBATKAN PEMBAYARAN (SAMA ADA DALAM BENTUK KEWANGAN ATAU SEBALIKNYA) KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH	88
10. TRANSAKSI RENTAS SEMPADAN.....	96

11. AGIHAN KEUNTUNGAN (CONTOHNYA, AGIHAN DIVIDEN).....	108
12. PENDAPATAN ASING	117
13. KADAR PERTUKARAN MATA WANG	120
14. TRANSAKSI E-DAGANG	121
15. KESELAMATAN SIBER.....	139
16. LAYANAN E-INVOIS SEMASA TEMPOH KELONGGARAN INTERIM	140
17. PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA E-INVOIS	142
LAMPIRAN 1 – SENARAI TIN UMUM	146
LAMPIRAN 2 – BUTIRAN PEMBELI DALAM E-INVOIS YANG DISATUKAN	148
LAMPIRAN 3 – PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PENGELUARAN E-INVOIS BIL KENDIRI	151
LAMPIRAN 4 – BUTIRAN PEMBELI BAGI TRANSAKSI DENGAN INDIVIDU	153
LAMPIRAN 5 – SOALAN LAZIM (FAQ) UMUM DAN SPESIFIK INDUSTRI.....	156

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 -	Gambaran keseluruhan proses e-Invois.....	9
Rajah 3.2 -	Contoh paparan visual e-Invois dalam format PDF (TIN Pembeli tidak diberikan)	19
Rajah 3.3 -	Contoh paparan visual e-Invois yang disatukan yang telah disahkan dalam format PDF (Cawangan Kuala Lumpur).....	26
Rajah 3.4 -	Contoh resit kepada Pembeli	32
Rajah 3.5 -	Contoh e-Invois yang disatukan dalam format XML	33
Rajah 3.6 -	Contoh e-Invois yang disatukan dalam format JSON	33
Rajah 3.7 -	Contoh e-Invois yang disatukan yang telah disahkan dalam format PDF	34
Rajah 3.8 -	Ilustrasi kaedah pengeluaran e-Invois oleh Penjual kepada Pembeli	40
Rajah 3.9 -	Proses pengeluaran e-Invois melalui platform dalam talian (Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan).....	41
Rajah 3.10 -	Proses pengeluaran e-Invois melalui Sistem POS perniagaan	43
Rajah 3.11 -	Proses pengeluaran e-Invois melalui aplikasi mudah alih MyInvois	44
Rajah 3.12 -	Proses pengeluaran e-Invois melalui Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan.....	45
Rajah 4.1 -	Contoh paparan visual e-Invois yang disahkan dalam bentuk penyata (format PDF)	54
Rajah 5.1 -	Senario di mana Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli	60
Rajah 5.2 -	Senario di mana Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Penjual 2	64
Rajah 9.1 -	Gambaran umum perniagaan yaang melibatkan ejen, pengedar atau pengagih	88
Rajah 9.2 -	Paparan visual pengeluaran e-Invois bil sendiri oleh perniagaan kepada ejennya	95
Rajah 10.1 -	Aliran transaksi semasa antara Penjual Asing (Penjual) dengan Pembeli di Malaysia (Pembeli).....	96
Rajah 10.2 -	Contoh e-Invois bil sendiri yang disahkan untuk transaksi dengan Penjual Asing dalam format PDF	103
Rajah 10.3 -	Aliran transaksi semasa antara Penjual di Malaysia (Penjual) dengan Pembeli Asing (Pembeli).....	103
Rajah 14. 1 -	Gambaran umum transaksi e-dagang	121

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 - Butiran Pembeli individu yang perlu diberikan kepada Penjual	14
Jadual 3.2 - Butiran Penerima Penghantaran individu yang perlu diberikan kepada Penjual	18
Jadual 3.3 - Butiran TIN dan nombor pengenalan / nombor pasport yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli individu / Penerima Penghantaran Individu	18
Jadual 3.4 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri yang disatukan.....	25
Jadual 3.5 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan.....	31
Jadual 3.6 - Aktiviti yang memerlukan pengeluaran e-Invois bagi setiap transaksi dan tidak dibenarkan mengeluarkan e-Invois yang disatukan.....	38
Jadual 4.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli (terjemahan ke dalam format penyata / bil untuk paparan visual).....	53
Jadual 4.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan (penyata / bil yang disatukan).....	59
Jadual 8.1 - Pihak yang terlibat dengan e-Invois bil sendiri.....	81
Jadual 8.2 - Butiran TIN dan nombor pengenalan / nombor pasport yang perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penjual individu... ..	87
Jadual 8.3 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri	94
Jadual 9.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual (iaitu Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada ejen, pengedar atau pengagih	94
Jadual 10.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli di Malaysia (Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penjual Asing (Penjual).....	101
Jadual 10.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual di Malaysia (Penjual) untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli Asing (Pembeli).....	107
Jadual 11.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan (Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penerima (Penjual)	115
Jadual 12.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penerima Pendapatan untuk pengeluaran e-Invois	119

Jadual 14.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli	126
Jadual 14.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri.....	133
Jadual 14.3 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois.....	138
Jadual 16.1 - Tempoh kelonggaran interim bagi setiap fasa pelaksanaan.....	138
Jadual Lampiran 1 - Senarai TIN Umum.....	140
Jadual Lampiran 2 - Butiran Pembeli dalam e-Invois yang disatukan.....	142
Jadual Lampiran 3 - Pihak yang terlibat dengan pengeluaran e-Invois bil sendiri.....	145
Jadual Lampiran 4 - Butiran Pembeli bagi transaksi dengan individu.....	147
Jadual Lampiran 5 – Soalan Lazim Umum dan Spesifik Industri.....	150

RINGKASAN PINDAAN

Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 4.8) telah menggantikan Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 4.7) yang telah dikeluarkan pada 20 April 2026. Maklumat pindaan yang telah dikemas kini dalam garis panduan ini adalah seperti ringkasan dalam jadual di bawah:

Perenggan dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 4.7)	Pindaan pada Garis Panduan Spesifik e-Invois (Versi 4.8)		
	Perenggan	Perkara	Rujukan
-	17	Penambahan	Penjelasan
-	Contoh 23 Contoh 24 Contoh 25	Penambahan	Penjelasan

1. PENGENALAN

- 1.1 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengeluarkan Garis Panduan e-Invois pada 21 Julai 2023.
- 1.2 Garis Panduan e-Invois menerangkan skop pelaksanaan e-Invois, merangkumi konsep e-Invois dan panduan langkah demi langkah mengenai aliran kerja e-Invois.
- 1.3 LHDNM telah mengeluarkan Garis Panduan Spesifik e-Invois bagi memenuhi keperluan panduan tambahan berkaitan bidang tertentu dalam pelaksanaan e-Invois. Garis panduan ini bertujuan membantu pembayar cukai memahami dengan lebih jelas berhubung layanan e-Invois dan seterusnya melaksanakan e-Invois dengan jayanya.
- 1.4 Lampiran-lampiran dalam dokumen ini merupakan sebahagian daripada Garis Panduan Spesifik e-Invois. Maklumat yang disediakan dalam lampiran ini memberikan panduan tambahan kepada pembayar cukai mengenai cara untuk melengkapkan keperluan pengeluaran e-Invois serta membantu meningkatkan pemahaman pembayar cukai mengenai pelaksanaan e-Invois dengan menggunakan contoh-contoh umum dan industri spesifik.

2. OBJEKTIF


Garis panduan spesifik ini bertujuan memberi panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- i. Transaksi dengan Pembeli
- ii. Penyata / Bil yang dikeluarkan secara berkala
- iii. Pembayaran (*disbursement*) dan pembayaran ganti (*reimbursement*)
- iv. Perkuisit dan manfaat pekerja

- v. Perbelanjaan tertentu yang dibelanjakan oleh pekerja bagi pihak majikan
- vi. Pengeluaran e-Invois bil sendiri
- vii. Transaksi yang melibatkan pembayaran (sama ada dalam bentuk kewangan atau sebaliknya) kepada ejen, pengedar atau pengagih
- viii. Transaksi rentas sempadan
- ix. Agihan keuntungan (contohnya, agihan dividen)
- x. Pendapatan asing
- xi. Kadar tukaran mata wang
- xii. Transaksi e-dagang
- xiii. Layanan e-Invois semasa tempoh kelonggaran interim.

3. TRANSAKSI DENGAN PEMBELI

- 3.1 Pada masa ini, perniagaan (Penjual) akan mengeluarkan resit / bil / invois dalam bentuk salinan cetak dan / atau salinan lembut (contohnya, melalui e-mel) kepada pengguna (Pembeli) bagi tujuan merekodkan transaksi (contohnya, penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan kepada Pembeli untuk kegunaan peribadi).
- 3.2 Selepas pelaksanaan e-Invois, Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk semua transaksi. Walau bagaimanapun, Pembeli seperti pengguna akhir dan perniagaan tertentu, mungkin tidak memerlukan e-Invois sebagai bukti perbelanjaan.
- 3.3 Bagi memastikan Penjual mematuhi keperluan e-Invois serta mengurangkan beban kepada kedua-dua pihak, iaitu Penjual dan Pembeli, LHDNM membenarkan Penjual untuk menyatukan transaksi dengan Pembeli (yang tidak memerlukan e-Invois) ke dalam e-Invois yang disatukan secara bulanan.
- 3.4 Rajah 3.1 menunjukkan gambaran keseluruhan proses e-Invois.



Rajah 3.1 - Gambaran keseluruhan proses e-Invois

3.5 **Senario 1: Pembeli memerlukan e-Invois**

- 3.5.1 Dalam transaksi tertentu, Pembeli yang memerlukan e-Invois perlu membuat permintaan dengan memaklumkan kepada Penjual yang berkenaan.
- 3.5.2 Apabila menerima permintaan e-Invois daripada Pembeli, Penjual perlu mendapatkan butiran Pembeli (rujuk Jadual 3.1 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut) yang diperlukan untuk pengeluaran e-Invois.
- 3.5.3 Secara ringkasnya, langkah-langkah pengeluaran e-Invois kepada pembeli adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual mendapatkan pengesahan daripada Pembeli sekiranya e-Invois diperlukan.

Langkah 2: Sekiranya Pembeli mengesahkan bahawa mereka memerlukan e-Invois, Pembeli dikehendaki mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada Penjual untuk memudahkan pengeluaran e-Invois (rujuk Jadual 3.1 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut).

Langkah 3: Penjual dikehendaki melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois dan seterusnya mengeluarkan e-Invois.

Proses pengeluaran e-Invois adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.

Langkah 4: e-Invois yang telah disahkan boleh digunakan sebagai bukti perbelanjaan oleh Pembeli bagi mengesahkan transaksi tertentu untuk tujuan percukaian.

3.5.4 Bagi memudahkan proses pengeluaran e-Invois yang lebih efisien serta meringankan beban ke atas individu untuk memberikan maklumat Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dan butiran nombor pengenalan mereka, LHDNM menyediakan konsesi kepada individu seperti berikut:

(a) Untuk individu warganegara Malaysia, boleh memberikan maklumat sama ada:

- i. TIN;
- ii. Nombor pengenalan MyKad / MyTentera; atau
- iii. Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera).

(b) Untuk individu bukan warganegara Malaysia, boleh memberikan maklumat sama ada:

- i. TIN; atau
- ii. Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS).

Untuk penjelasan, (b)(i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS individu tersebut.

3.5.5 Secara ringkasnya, butiran yang akan diberikan oleh Pembeli individu untuk pengeluaran e-Invois adalah seperti berikut:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli individu	Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli individu	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS individu tersebut.
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli individu	Pembeli individu dikehendaki memberikan alamat kediaman
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor Telefon Pembeli individu	Pembeli individu dikehendaki memberikan nombor telefon

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli individu	Jika berkenaan, Pembeli individu perlu memberikan Nombor Pendaftaran CJP. Sekiranya Pembeli individu tidak berdaftar untuk CJP, Penjual perlu memasukkan “NA”

Jadual 3.1 - Butiran Pembeli individu yang perlu diberikan kepada Penjual

3.5.6 Butiran yang akan diberikan oleh Penerima Penghantaran individu untuk pengeluaran Lampiran kepada e-Invois adalah seperti berikut:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam Lampiran kepada e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Penerima Penghantaran	Nama Penerima Penghantaran individu	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam Lampiran kepada e-Invois	Maklumat tambahan
2	Alamat Penerima Penghantaran	Alamat Penerima Penghantaran individu	Penerima Penghantaran individu dikehendaki memberikan alamat kediaman
3	TIN Penerima Penghantaran	TIN Penerima Penghantaran individu	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> Pilihan 1: TIN sahaja Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera)

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam Lampiran kepada e-Invois	Maklumat tambahan
4	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penerima Penghantaran	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> Pilihan 1: TIN sahaja Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.

Jadual 3.2 - Butiran Penerima Penghantaran individu yang perlu diberikan kepada Penjual

3.5.7 Sekiranya Pembeli individu dan / atau Penerima Penghantaran individu (jika berkenaan) memberikan sama ada TIN atau nombor pengenalan MyKad / MyTentera (bukan kedua-duanya), Penjual perlu memasukkan butiran berikut bagi tujuan e-Invois:

Bil.	Pilihan	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois
1	Pilihan 1 (untuk individu warganegara dan bukan warganegara Malaysia), di mana Pembeli individu / Penerima Penghantaran individu hanya memberikan TIN	TIN Pembeli / Penerima Penghantaran	Penjual memasukkan TIN yang diberikan oleh Pembeli individu / Penerima Penghantaran individu
		Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli / Penerima Penghantaran	Penjual memasukkan "000000000000" dalam e-Invois
2	Pilihan 2 (untuk individu warganegara Malaysia), di mana Pembeli	TIN Pembeli / Penerima Penghantaran	Penjual memasukkan "EI00000000010" dalam e-Invois

Bil.	Pilihan	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois
	individu / Penerima Penghantaran individu hanya memberikan nombor pengenalan MyKad / MyTentera	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli / Penerima Penghantaran	Penjual memasukkan nombor pengenalan MyKad / MyTentera yang diberikan oleh Pembeli individu / Penerima Penghantaran Individu

Jadual 3.3 - Butiran TIN dan nombor pengenalan / nombor pasport yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli individu / Penerima Penghantaran Individu

Contoh 1

Encik Soo (Pembeli) telah membelanjakan RM2,500 untuk membeli telefon pintar daripada Global Telco Sdn Bhd (Penjual) dan telah meminta e-Invois dikeluarkan.

Global Telco Sdn Bhd telah meminta butiran Encik Soo untuk tujuan pengeluaran e-Invois. Encik Soo telah memberikan semua butiran yang diperlukan (termasuk nombor pengenalan MyKad) kecuali TIN beliau. Global Telco Sdn Bhd masih boleh mengeluarkan e-Invois kepada Encik Soo walaupun TIN Encik Soo tidak diberikan.

Setelah menerima e-Invois yang disahkan, Encik Soo boleh menggunakan e-Invois tersebut sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.

Rajah 3.2 menunjukkan contoh paparan visual e-Invois yang telah disahkan dan dikeluarkan oleh Global Telco Sdn Bhd kepada Encik Soo.

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Global Telco Sdn Bhd
 Lot 1, Bangunan Green, Persiaran Jalan, 50480, Kuala Lumpur
 60312346789
contactus@globaltelco.com

TIN Penjual: C123456789120
 Nombor Pendaftaran Penjual: 200901111122
 ID CJP Penjual: W10-6543-456789123
 Kod MSIC Penjual: 47413
 Butiran aktiviti perniagaan Penjual: Jualan runcit peralatan telekomunikasi

E-INVOIS
 Jenis e-Invois: 01 – Invois
 Versi e-Invois: 1.0
 Kod e-Invois: INV00002
 No. ID Unik: 123456789-2023-7654335
 No. Rujukan e-Invois Asal: Tidak Berkenaan
 Tarikh dan Masa Invois: 07/08/2024 12:36:13

TIN Pembeli: [E100000000010](#)
 Nama Pembeli: Soo Ah Chong
 Nombor Pengenal Pembeli: 790801100000
 Alamat Pembeli: 1, Tingkat 2, Jln Jaya, 40150 Selangor, Malaysia
 No. Telefon Pembeli: 601234567890
 E-mel Pembeli: soohchong@gmail.com

Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
003	Telefon Pintar	1	RM2,500.00	RM2,500.00	-	-	RM2,500.00
	Jumlah						RM2,500.00
	Jumlah tidak termasuk cukai						RM2,500.00
	Jumlah cukai						-
	Jumlah termasuk cukai						RM2,500.00
	Jumlah amaun perlu dibayar						RM2,500.00

Tandatangan Digital:
 9e83e05bbf9b5db17ac0deec3b7ce6cba983f6dc50531c7a919f28d5fb369etc3
 Tarikh dan Masa Pengesahan: 07/08/2024 12:36:15
 Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois



Rajah 3.2 – Contoh paparan visual e-Invois dalam format PDF (TIN Pembeli tidak diberikan)

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk kepada perubahan.

3.6 **Senario 2: Pembeli tidak memerlukan e-Invois**

- 3.6.1 Sekiranya Pembeli tidak memerlukan e-Invois, Penjual akan mengeluarkan resit biasa kepada Pembeli (sama seperti amalan semasa perniagaan). Walau bagaimanapun, resit tersebut tidak perlu dikemukakan untuk pengesahan LHDNM kerana dokumen tersebut bukanlah e-Invois.
- 3.6.2 Penjual dibenarkan untuk menyatukan transaksi dengan Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois pada setiap bulan dan mengemukakan e-Invois yang disatukan kepada LHDNM, dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas berakhirnya bulan tersebut.
- 3.6.3 Untuk e-Invois yang disatukan, LHDNM membenarkan Penjual untuk mengguna pakai satu (atau gabungan) daripada kaedah-kaedah berikut:
- (a) Ringkasan bagi setiap resit dimasukkan sebagai baris item yang berasingan dalam e-Invois yang disatukan (rujuk Rajah 3.7, Contoh 4).
 - (b) Senarai resit (mengikut nombor resit yang berturutan) dimasukkan sebagai baris item (sekiranya terdapat rantaian nombor resit yang terputus, rantaian nombor resit yang seterusnya hendaklah dimasukkan sebagai baris item yang baharu) (rujuk Rajah 3.3, Contoh 2).
 - (c) Cawangan atau lokasi hendaklah mengemukakan e-Invois yang disatukan dengan menggunakan sama ada kaedah (a) atau (b) di atas untuk resit-resit yang dikeluarkan oleh cawangan atau lokasi tersebut.

3.6.4 Untuk meningkatkan kecekapan Sistem MyInvois, had berikut telah ditetapkan:

- (a) saiz maksimum 5MB untuk setiap penghantaran;
- (b) maksimum 100 e-Invois untuk setiap penghantaran; dan
- (c) saiz maksimum 300KB untuk setiap e-Invois.

Oleh itu, Penjual dibenarkan untuk mengasingkan resit ke dalam beberapa e-Invois yang disatukan bagi memenuhi keperluan di atas.

3.6.5 Sila ambil perhatian bahawa kaedah penyatuan tidak terpakai bagi pengeluaran e-Invois bil sendiri kecuali untuk transaksi bil sendiri berikut:

- (a) transaksi dengan individu (yang tidak menjalankan perniagaan)
- (b) bayaran faedah kepada orang awam (tanpa mengira sama ada perniagaan atau individu)
- (c) tuntutan, pampasan atau bayaran manfaat daripada perniagaan insurans oleh penanggung insurans kepada individu (yang tidak menjalankan perniagaan), kerajaan, pihak berkuasa kerajaan, kerajaan negeri atau pihak berkuasa negeri
- (d) transaksi bil sendiri yang melibatkan cawangan atau pejabat pembayar cukai di luar negara.

3.6.6 Masa pengeluaran e-Invois bil sendiri yang disatukan adalah sama dengan masa pengeluaran e-Invois yang disatukan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.6.2 Garis Panduan Spesifik e-Invois (iaitu, penghantaran e-Invois bil sendiri yang disatukan kepada LHDNM secara bulanan, dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas berakhirnya bulan tersebut).

3.6.7 Berhubung dengan e-Invois bil sendiri yang disatukan, Pembeli (dengan mengambil alih peranan Penjual) dikehendaki melengkapkan butiran Penjual dan butiran transaksi tertentu menggunakan maklumat berikut:

Bil.	Medan Data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan	Maklumat Tambahan
1	Nama Penjual	Nama Penjual	Pembeli memasukkan "Umum" dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan
2	TIN Penjual	TIN Penjual	Pembeli memasukkan "EI00000000010" dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	Pembeli memasukkan "NA"

Bil.	Medan Data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan	Maklumat Tambahan
4	Alamat Penjual	Alamat Penjual	Pembeli memasukkan "NA"
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor Telefon Penjual	Pembeli memasukkan "NA"
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Pembeli memasukkan "NA"
7	Kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (kod MSIC) Penjual	Kod MSIC Penjual (jika berkenaan)	Pembeli memasukkan "00000"
8	Keterangan Aktiviti Perniagaan Penjual	Keterangan mengenai aktiviti perniagaan penjual	Pembeli memasukkan "NA"
9	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Pembeli memasukkan angka 3-digit (contohnya, "004"), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

10	Keterangan Produk / Perkhidmatan	Butiran produk atau perkhidmatan yang dibilkan untuk transaksi dengan Penjual	LHDNM membenarkan Pembeli mengguna pakai satu (atau gabungan) kaedah berikut untuk e-Invois bil sendiri yang disatukan: (a) Ringkasan bagi setiap resit dimasukkan sebagai baris item yang berasingan (b) Senarai resit (mengikut nombor resit yang berturutan) dimasukkan sebagai baris item (sekiranya terdapat rantaian nombor resit yang terputus, rantaian nombor resit yang seterusnya hendaklah dimasukkan sebagai baris item yang baharu) (c) Cawangan atau lokasi hendaklah mengemukakan e-Invois bil sendiri yang disatukan dengan menggunakan sama ada kaedah (a) atau (b) di atas untuk resit-resit yang dikeluarkan oleh cawangan atau lokasi tersebut. Sila ambil perhatian bahawa mana-mana kaedah yang diguna pakai oleh perniagaan, nombor rujukan resit untuk
----	--	---	---

Bil.	Medan Data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan	Maklumat Tambahan
			setiap transaksi perlu dimasukkan di bawah medan ini dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan

Jadual 3.4 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri yang disatukan

Contoh 2

Hibiscus Mart Sdn Bhd (Hibiscus Mart) merupakan sebuah perniagaan runcit kecil yang menawarkan pelbagai jenis produk makanan dan minuman melalui dua (2) cawangannya di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Berikut adalah bilangan transaksi dengan resit biasa yang dikeluarkan berserta dengan jumlah jualan yang diterima oleh setiap cawangan (tanpa pengeluaran e-Invois) pada bulan Oktober:

- (a) Cawangan Pulau Pinang: 500 transaksi berjumlah RM25,000
- (b) Cawangan Kuala Lumpur: 2,000 transaksi berjumlah RM65,000

Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas berakhirnya bulan Oktober (iaitu, sebelum atau pada 7 November), Hibiscus Mart mengeluarkan dua (2) e-Invois yang disatukan secara berasingan setelah mengumpulkan jumlah jualan dari setiap cawangan. Satu e-Invois dikeluarkan untuk Cawangan Pulau Pinang dan satu lagi e-Invois untuk Cawangan Kuala Lumpur, berserta dengan jumlah jualan yang sepadan bagi setiap cawangan. Hibiscus Mart

menyatukan semua jualan dengan memaparkan setiap rantaian nombor resit sebagai baris item yang berasingan. Hibiscus Mart dikehendaki memasukkan semua nombor rujukan resit untuk keseluruhan jumlah jualan dalam medan "Keterangan" bagi cawangan yang berkaitan.

BAGI TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA

Hibiscus Mart Sdn Bhd Lot 66, Bangunan Merdeka, Persiaran Jaya, 50480, Kuala Lumpur 60312346789 hibiscus@mart.com							
TIN Penjual: C321456789120 Nombor Pendaftaran Penjual: 660901111122 ID CJP Penjual: M10-123-45678901 Kod MSIC Penjual: 47112 Butiran aktiviti perniagaan Penjual: Pasar raya				E-INVOIS Jenis e-Invois: 01 – Invois Versi e-Invois: 1.0 Kod dokumen: INV00006 No. ID Unik: 123456789-2023-7654321 No. Rujukan e-Invois Asai: Not Applicable Tarikh dan Masa e-Invois: 01/10/2024 20:17:16			
TIN Pembeli: E100000000010 Nama Pembeli: Umum Nombor Pendaftaran Pembeli: NA Alamat Pembeli: NA				No. Telefon Pembeli: NA ID CJP Pembeli: NA			
Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
004	1110 - 1112	1	RM 3,000.00	RM 3,000.00	-	-	RM 3,000.00
004	1114	1	RM 100.00	RM 100.00	-	-	RM 100.00
004	1116 - 2450	1	RM34,900.00	RM34,900.00	-	-	RM34,900.00
004	2452 - 2459	1	RM 4,500.00	RM 4,500.00	-	-	RM 4,500.00
004	2461 - 3107	1	RM22,250.00	RM22,250.00	-	-	RM22,250.00
004	3109 - 3114	1	RM 250.00	RM 250.00	-	-	RM 250.00
Jumlah							RM65,000.00
Jumlah tidak termasuk cukai							RM65,000.00
Jumlah cukai							-
Jumlah termasuk cukai							RM65,000.00
Jumlah amaun perlu dibayar							RM65,000.00
Tandatangan Digital: 8e83e05bbf9b5db17ac0deec3b7ce6cba983f6dc50531c7a919f28d5fb3696c3 Tarikh dan Masa Pengesahan: 01/10/2024 20:17:18 Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois							



Rajah 3.3 - Contoh paparan visual e-Invois yang disatukan yang telah disahkan dalam format PDF (Cawangan Kuala Lumpur)

Sementara itu, Cer-Mart Sdn Bhd, pesaing kepada Hibiscus Mart yang mempunyai empat (4) cawangan yang terletak di kawasan yang sama dengan Hibiscus Mart serta di Melaka dan Ipoh, telah mengeluarkan e-Invois yang disatukan untuk merekodkan jualan mereka bagi bulan Oktober. Jualan yang diterima oleh setiap cawangan Cer-Mart pada bulan Oktober (tanpa pengeluaran e-Invois) adalah seperti berikut:

- (a) Cawangan Pulau Pinang: 2,500 transaksi berjumlah RM75,000
- (b) Cawangan Kuala Lumpur: 5,800 transaksi berjumlah RM125,000

(c) Cawangan Melaka: 1,300 transaksi berjumlah RM22,000

(d) Cawangan Ipoh: 1,850 transaksi berjumlah RM25,300

Berbeza dengan Hibiscus Mart, Cer-Mart Sdn Bhd memilih untuk menyatukan hasil jualan setiap cawangan dalam e-Invois yang disatukan secara berasingan dengan memaparkan setiap resit sebagai satu baris item tunggal. Cer-Mart dikehendaki untuk memasukkan semua nombor rujukan resit bagi keseluruhan jumlah jualan dalam medan "Keterangan".

3.6.8 Dalam apa jua keadaan, sekiranya Pembeli memerlukan e-Invois selepas menerima resit daripada Penjual, Pembeli boleh meminta e-Invois daripada Penjual dalam bulan yang sama transaksi berkenaan berlaku. Tempoh masa yang dinyatakan ini membolehkan Penjual menetapkan tarikh akhir (*cut-off*) untuk menyatukan resit ke dalam e-Invois yang disatukan.

3.6.9 Pembeli digalakkan untuk memohon e-Invois secepat mungkin selepas menerima resit bagi memastikan permintaan tersebut dapat diproses oleh Penjual dalam tempoh yang sewajarnya. Selain itu, Penjual dinasihatkan untuk memastikan bahawa mereka dapat menyediakan dan mengemukakan e-Invois kepada LHDNM untuk pengesahan secepat mungkin supaya permintaan e-Invois daripada Pembeli dapat dipenuhi dengan segera.

3.6.10 Secara ringkasnya, apabila Pembeli tidak memerlukan e-Invois untuk dikeluarkan, langkah-langkah bagi pengeluaran e-Invois yang disatukan adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual perlu mendapatkan pengesahan Pembeli sekiranya e-Invois diperlukan.

Langkah 2: Jika Pembeli mengesahkan bahawa e-Invois tidak diperlukan, Penjual akan terus mengeluarkan resit kepada Pembeli (sama seperti amalan semasa perniagaan).

Langkah 3: Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan, Penjual akan mendapatkan semula butiran semua resit yang telah dikeluarkan dalam bulan sebelumnya dan mengeluarkan e-Invois yang disatukan sebagai bukti pendapatan Penjual.

Langkah 4: Penjual akan mengeluarkan e-Invois yang disatukan dengan melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Proses pengeluaran e-Invois yang disatukan adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API), dengan pengecualian seperti berikut:

- Setelah e-Invois yang disatukan telah disahkan, LHDNM akan menghantar notifikasi kepada Penjual sahaja (tiada notifikasi akan dihantar kepada Pembeli memandangkan e-Invois tersebut dikeluarkan kepada umum). Oleh itu, tidak akan ada permohonan penolakan daripada Pembeli.
- e-Invois yang telah disahkan akan berfungsi sebagai bukti pendapatan Penjual. Oleh itu, e-Invois yang disahkan tidak perlu dikongsikan kepada Pembeli.

3.6.11 Berhubung dengan e-Invois yang disatukan, Penjual dikehendaki melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois dan melengkapkan butiran Pembeli serta butiran transaksi tertentu menggunakan maklumat berikut:

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli	Penjual memasukkan "Umum" dalam e-Invois yang disatukan
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli	Penjual memasukkan "EI00000000010" dalam e-Invois yang disatukan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	Penjual memasukkan "NA"
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli	Penjual memasukkan "NA"
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli	Penjual memasukkan "NA"
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Penjual memasukkan "NA"

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
7	Keterangan Produk / Perkhidmatan	Butiran produk atau perkhidmatan yang dibilkan untuk transaksi dengan Pembeli	LHDNM membenarkan Penjual untuk menggunakan pakai satu (atau gabungan) daripada kaedah-kaedah berikut: (a) Ringkasan bagi setiap resit dimasukkan sebagai baris item yang berasingan (b) Senarai resit (mengikut nombor resit yang berturutan) dimasukkan sebagai baris item (sekiranya terdapat rangkaian nombor resit yang terputus, rangkaian nombor resit yang seterusnya hendaklah dimasukkan sebagai baris item yang baharu) (c) Cawangan atau lokasi hendaklah mengemukakan

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
			e-Invois yang disatukan menggunakan sama ada kaedah (a) atau (b) di atas untuk resit-resit yang dikeluarkan oleh cawangan atau lokasi tersebut Sila ambil perhatian bahawa mana-mana kaedah yang diguna pakai oleh perniagaan, nombor rujukan resit bagi setiap transaksi hendaklah dimasukkan di bawah medan ini dalam e-Invois yang disatukan

Jadual 3.5 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan

Contoh 3

Wani, Lilian dan Muthu (Pembeli) masing-masing telah menjamu selera di Restoran XYZ (Penjual) pada 8 Julai, 17 Julai dan 21 Julai. Mereka tidak meminta e-Invois. Oleh itu, Restoran XYZ mengeluarkan resit kepada mereka.

Restoran XYZ (200901111122)
No. Pendaftaran CJP: W10-123-45678901

Lot 1, Bangunan ABC, Persiaran Jalan,
50480, Kuala Lumpur
60312346789

Nombor Resit12345

Tarikh dan masa08/07/2024 15:36

POS1

JuruwangKaunter 2

Bil.	Keterangan	Harga Unit	Jumlah	CJP
3	Pai Ayam	RM25.00	RM75.00	RM4.50
	Jumlah		RM75.00	
	Cukai Perkhidmatan (6%)		RM 4.50	
	Jumlah		RM79.50	
	Tunai		RM80.00	
	Baki		RM 0.50	

-TERIMA KASIH-

Restoran XYZ (200901111122)
No. Pendaftaran CJP: W10-123-45678901

Lot 1, Bangunan ABC, Persiaran Jalan,
50480, Kuala Lumpur
60312346789

Nombor Resit12390

Tarikh dan masa17/07/2024 21:03

POS2

JuruwangKaunter 1

Bil.	Keterangan	Harga Unit	Jumlah	CJP
2	Pai	RM15.00	RM30.00	RM1.80
3	Kordial	RM 3.00	RM 9.00	RM0.54
4	Spageti	RM19.00	RM76.00	RM4.56
1	Teh	RM10.00	RM10.00	RM0.60
	Jumlah		RM125.00	
	Cukai Perkhidmatan (6%)		RM 7.50	
	Jumlah		RM132.50	
	Kad Kredit		RM132.50	
	Baki		-	

-TERIMA KASIH-

Restoran XYZ (200901111122)
No. Pendaftaran CJP: W10-123-45678901

Lot 1, Bangunan ABC, Persiaran Jalan,
50480, Kuala Lumpur
60312346789

Nombor Resit12442

Tarikh dan masa21/07/2024 12:55

POS1

JuruwangKaunter 2

Bil.	Keterangan	Harga Unit	Jumlah	CJP
10	Kopi	RM12.50	RM125.00	RM7.50
2	Teh	RM10.00	RM20.00	RM1.20
	Jumlah Kecil		RM145.00	
	Cukai Perkhidmatan (6%)		RM 8.70	
	Jumlah		RM153.70	
	e-Wallet		RM153.70	
	Baki		-	

-TERIMA KASIH-

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Rajah 3.4 - Contoh resit kepada Pembeli

Pada 1 Ogos 2025 (iaitu dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan), Restoran XYZ menyatukan semua resit untuk bulan Julai dan mengeluarkan e-Invois yang disatukan serta mengemukakan kepada LHDNM untuk pengesahan.

Restoran XYZ tidak perlu berkongsi e-Invois yang disatukan yang telah disahkan kepada Pembeli memandangkan e-Invois yang disatukan tersebut dikeluarkan kepada Umum dan bukannya kepada Pembeli tertentu. Ia adalah bukti pendapatan bagi Restoran XYZ dan pembelinya tidak meminta sebarang e-Invois untuk dikeluarkan. Ilustrasi di bawah adalah contoh e-Invois yang disatukan dalam format XML atau JSON yang dikeluarkan oleh Restoran XYZ melalui API. Sila ambil maklum bahawa format di bawah adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan format sebenar telah disediakan dalam *Software Development Kit* (SDK).

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

```

<IssueTimestamp>2025-08-01T22:35:03Z</IssueTimestamp>
<IssueYear>2025</IssueYear>
<IssueMonth>8</IssueMonth>
<IssueDay>1</IssueDay>
<AccountingTimestamp>2025-08-01T22:35:03Z</AccountingTimestamp>
<AccountingYear>2025</AccountingYear>
<AccountingMonth>8</AccountingMonth>
<AccountingDay>1</AccountingDay>
<PaidLastTimestamp>2025-08-01T22:35:03Z</PaidLastTimestamp>
<PaidLastYear>2025</PaidLastYear>
<PaidLastMonth>8</PaidLastMonth>
<PaidLastDay>1</PaidLastDay>
<DateToPay>0001-01-01T00:00:00</DateToPay>
<DateToPayPeriod />
<Timestamp>2025-08-01T22:35:03Z</Timestamp>
<AuthorityTimestamp>2025-08-01T22:35:05Z</AuthorityTimestamp>
<AuthorityLastCheck>2025-08-01T22:35:05Z</AuthorityLastCheck>
<VoidedDate />
<TypeId>1</TypeId>
<TypeName>E-INVOICE</TypeName>
<Version>1.0</Version>
<XMLVersion>1</XMLVersion>
<DocumentCode>INV00001</DocumentCode>
<AuthorityTaxCode>LHDNTAXNUMBER</AuthorityTaxCode>
<SenderCode>123456789123</SenderCode>
<SenderName>Restoran XYZ Sdn Bhd</SenderName>
<SenderZone>null</SenderZone>
<ReceiverCode>EI00000000010</ReceiverCode>
<ReceiverName>GENERAL PUBLIC</ReceiverName>
<ReceiverZone />
<CountryReceiverCode />
<CurrencyType>MYR</CurrencyType>
<NetAmount>345</NetAmount>

```

Rajah 3.5 - Contoh e-Invois yang disatukan dalam format XML

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

```

{
  "Position": 2,
  "PaSTaxAuthorityCode": "9902012651",
  "PaSDescription": "12390",
  "PaSUnitCode": "null",
  "PaSUnitName": "null",
  "PaSQuantity": 1,
  "PaSValue": 125.00,
  "PaSAmount": 132.50,
  "TaxDetails": [
    {
      "TaxCode": "Service Tax",
      "TaxDetailTimestamp": "2025-08-01T01:04:23.2846603Z",
      "FactorType": "Rate",
      "Factor": 0.06,
      "Value": 7.50,
      "NetValue": 125.00
    }
  ]
}
{
  "Position": 3,
  "PaSTaxAuthorityCode": "9902012651",
  "PaSDescription": "12442",
  "PaSUnitCode": "null",
  "PaSUnitName": "null",
  "PaSQuantity": 1,
  "PaSValue": 145.00,
  "PaSAmount": 153.70,
  "TaxDetails": [
    {
      "TaxCode": "Service Tax",
      "TaxDetailTimestamp": "2025-08-01T01:04:23.2846603Z",
      "FactorType": "Rate",
      "Factor": 0.06,
      "Value": 8.70,
      "NetValue": 145.00
    }
  ]
}

```

Rajah 3.6 - Contoh e-Invois yang disatukan dalam format JSON

Berikut adalah contoh paparan visual e-Invois yang disatukan yang dikeluarkan oleh Restoran XYZ (dalam format PDF) setelah menggabungkan semua resit yang telah dikeluarkan, dihantar dan disahkan oleh LHDNM:

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Restoran XYZ Sdn Bhd Lot 1, Bangunan ABC, Persiaran Jalan, 50480, Kuala Lumpur 60312346789 restoranxyz@gmail.com				E-INVOIS Jenis e-Invois: 01 – Invois Versi e-Invois: 1.0 Kod dokumen: INV00001 No. ID Unik: 123456789-2023-7654321 No. Rujukan e-Invois Asal: Tidak Berkenaan Tarikh dan Masa e-Invois: 01/08/2025 22:35:03			
TIN Penjual: C123456789120 Nombor Pendaftaran Penjual: 200901111122 ID CJP Penjual: W10-9876-45678901 Kod MSIC Penjual: 56101 Butiran aktiviti perniagaan Penjual: Restoran dan restoran yang juga kelab malam							
TIN Pembeli: EI00000000010 Nama Pembeli: Umum Nombor Pendaftaran Pembeli: NA Alamat Pembeli: NA				No. Telefon Pembeli: NA ID CJP Pembeli: NA			
Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
004	12345	1	RM 75.00	RM 75.00	-	RM 4.50	RM 79.50
004	12390	1	RM125.00	RM125.00	-	RM 7.50	RM132.50
004	12442	1	RM145.00	RM145.00	-	RM 8.70	RM153.70
Jumlah				RM345.00	-	RM20.70	RM365.70
Jumlah tidak termasuk cukai							RM345.00
Jumlah cukai							RM 20.70
Jumlah termasuk cukai							RM365.70
Jumlah amaun perlu dibayar							RM365.70

Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan	Jenis cukai	Kadar cukai	Jumlah cukai
RM345.00	Cukai Perkhidmatan	6.00%	RM20.70

Tandatangan Digital:
 9e83e05bbf9b5db17ac0deec3b7ce6cba983f6dc50531c7a919f28d5fb3696c3
 Tarikh dan Masa Pengesahan: 01/08/2025 22:35:05
 Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois

Rajah 3.7 - Contoh e-Invois yang disatukan yang telah disahkan dalam format PDF

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk kepada perubahan.

Contoh 4

Menggunakan fakta yang sama seperti dalam Contoh 3. Pada 28 Julai 2025, Muthu (Pembeli) memutuskan untuk meminta e-Invois bagi pembelian makanannya (nombor resit: 12442) yang telah dibuat pada 21 Julai 2025.

Muthu telah menghubungi Restoran XYZ (Penjual) dan meminta menukar resitnya kepada e-Invois. Memandangkan Restoran XYZ ada menyediakan portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan untuk tujuan ini, Muthu mengunjungi portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan tersebut (rujuk Seksyen 3.8 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut) dan memberikan

maklumat peribadinya (rujuk Jadual 3.1 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini) untuk mendapatkan e-Invois.

Permohonan pengeluaran e-Invois perlu dilakukan oleh Muthu selewat-lewatnya pada 31 Julai 2025 (iaitu dalam bulan transaksi berlaku).

Contoh 5

Wendy (Pembeli) membeli raket badminton dan bulu tangkis daripada Hari-Hari Sukan Sdn Bhd (Penjual) pada 30 September 2025. Beliau tidak meminta e-Invois semasa daftar keluar kerana telah lewat untuk ke kelasnya.

Oleh kerana Wendy sangat sibuk dengan tugas dan kerja kursusnya, Wendy telah terlupa untuk memohon pengeluaran e-Invois daripada portal sesawang perniagaan Hari-Hari Sukan Sdn Bhd pada hari yang sama pembeliannya. Beliau hanya mengemukakan permintaan pengeluaran e-Invois pada 1 Oktober 2025.

Memandangkan Wendy tidak meminta e-Invois dalam bulan transaksi (iaitu selewat-lewatnya pada 30 September 2025), Hari-Hari Sukan Sdn Bhd boleh menolak permintaan Wendy untuk mengeluarkan e-Invois bagi pembeliannya, berdasarkan panduan yang disebutkan di atas.

Memandangkan Hari-Hari Sukan Sdn Bhd telah mengeluarkan e-Invois yang disatukan untuk semua resit yang dikeluarkan pada bulan September 2025, Hari-Hari Sukan Sdn Bhd boleh menolak permintaan Wendy dengan sewajarnya.

3.7 Aktiviti tertentu yang memerlukan pengeluaran e-Invois bagi setiap transaksi (iaitu pengeluaran e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan)

3.7.1 Untuk tujuan e-Invois, pembayar cukai yang menjalankan aktiviti atau transaksi tertentu dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk setiap transaksi dengan Pembeli (rujuk Jadual 3.6 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk pengecualian). Dalam erti kata lain, pembayar cukai berkenaan dikehendaki untuk mendapatkan butiran Pembeli bagi tujuan pengeluaran e-Invois dan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan.

3.7.2 Pada masa ini, aktiviti atau transaksi bagi industri di mana e-Invois perlu dikeluarkan bagi setiap transaksi adalah seperti berikut:

Bil.	Industri / Aktiviti	Jenis aktiviti / transaksi di mana e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan
1	Automotif	Jualan kenderaan bermotor <i>Nota: Kenderaan bermotor adalah merujuk kepada kenderaan daripada apa-apa perihalan, yang didorongi oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, dan termasuklah treler</i>
2	Penerbangan	- Jualan tiket penerbangan - Carter peribadi
3	Barangan mewah dan barangan kemas	Butiran akan dimaklumkan kemudian <i>Nota: Pada masa ini, pelaksanaannya ditangguhkan sehingga maklumat berkaitan aktiviti tersebut tersedia. Pembayar cukai dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan (sekiranya Pembeli tidak meminta e-Invois) sehingga pemakluman selanjutnya</i>

Bil.	Industri / Aktiviti	Jenis aktiviti / transaksi di mana e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan
4	Pembinaan	Kontraktor pembinaan yang menjalankan kontrak pembinaan, seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan Cukai Pendapatan (Kontrak Pembinaan) 2007
5	Perjudian (<i>betting</i>) dan permainan (<i>gaming</i>) berlesen	Pembayaran kepada pemenang untuk semua aktiviti perjudian dan permainan. <i>Nota: Walau bagaimanapun, pembayaran kepada pemenang berkaitan dengan perjudian dan permainan (i) di kasino dan (ii) dari mesin judi dikecualikan daripada pengeluaran e-Invois sehingga pemakluman selanjutnya.</i>
6	Bayaran kepada ejen / pengedar / pengagih.	Bayaran yang dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagih. <i>Nota: Menurut Seksyen 83A(4) Akta Cukai Pendapatan 1967, “ejen, pengedar atau pengedar” merujuk kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh sesebuah syarikat untuk bertindak sebagai ejen, pengedar atau pengagih, dan yang menerima bayaran (sama ada dalam bentuk wang tunai atau selainnya) daripada syarikat itu hasil daripada jualan, urus niaga atau skim yang dilaksanakannya sebagai ejen, pengedar atau pengagih.</i>
7	Semua industri	Sebarang transaksi tunggal dengan nilai melebihi RM10,000. Perlu diambil perhatian bahawa perkara ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

Bil.	Industri / Aktiviti	Jenis aktiviti / transaksi di mana e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan
8	Elektrik	Pengagihan, pembekalan atau penjualan elektrik Perlu diambil perhatian bahawa perkara ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 dan hanya terpakai kepada penyedia perkhidmatan elektrik.
9	Telekomunikasi	Perkhidmatan telekomunikasi berkaitan dengan pelan pascabayar dan langganan internet, serta penjualan peranti elektronik Perlu diambil perhatian bahawa perkara ini akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.


Jadual 3.6 - Aktiviti yang memerlukan e-Invois dikeluarkan untuk setiap transaksi dan e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan.

- 3.7.3 LHDNM mengambil maklum bahawa terdapat cabaran untuk mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli individu bagi jenis aktiviti / transaksi yang disenaraikan dalam Jadual 3.6. Sehubungan itu, LHDNM telah memberikan konsesi kepada Pembeli individu. Sila rujuk Seksyen 3.5.4 Garis Panduan Spesifik ini untuk maklumat lanjut.
- 3.7.4 Walau bagaimanapun, berhubung dengan transaksi melibatkan pihak yang dinyatakan dalam Seksyen 1.6.1 (a) Garis Panduan e-Invois, Penjual dibenarkan untuk menggantikan butiran Pembeli dengan maklumat yang dinyatakan dalam Jadual 3.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.
- 3.7.5 Penjual dikehendaki menyimpan dokumen sokongan bagi membuktikan bahawa e-Invois tersebut adalah berkaitan dengan pihak yang dinyatakan dalam Seksyen 1.6.1 Garis Panduan e-Invois.

3.8 Ilustrasi pilihan Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli

- 3.8.1 Bagi memudahkan pengeluaran e-Invois, terdapat pelbagai pilihan yang boleh digunakan oleh Penjual untuk membolehkan Pembeli membuat permintaan e-Invois mengikut keselesaan mereka. Contoh-contoh yang disediakan di bawah membolehkan Penjual memenuhi permintaan Pembeli untuk mendapatkan e-Invois sama ada sejurus selepas transaksi dilakukan atau pada tarikh lain, bergantung kepada pilihan Pembeli.
- 3.8.2 Sila ambil perhatian bahawa contoh-contoh di bawah adalah cadangan yang disediakan untuk pertimbangan Penjual. Penjual dibenarkan untuk mengguna pakai dan melaksanakan apa-apa kaedah lain yang tidak dinyatakan dalam seksyen ini untuk mematuhi keperluan e-Invois dan meningkatkan pengalaman pelanggan mereka.

3.8.3 Rajah 3.8 menunjukkan gambaran keseluruhan beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh Penjual untuk mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli, sama ada secara serta-merta atau selepas transaksi dilakukan.



Rajah 3.8 - Ilustrasi kaedah pengeluaran e-Invois oleh Penjual kepada Pembeli

3.8.4 Terdapat empat (4) senario utama bagi demonstrasi permohonan pengeluaran e-Invois:


1. **Platform dalam talian (Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan):** Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan boleh diintegrasikan dengan Sistem MyInvois LHDNM untuk mengeluarkan dan mengesahkan e-Invois apabila diminta.
2. **Sistem *Point-of-Sale* (POS) perniagaan:** Sistem POS perniagaan boleh diintegrasikan dengan Sistem MyInvois LHDNM untuk mengeluarkan e-Invois secara serta-merta. Pembeli dikehendaki memberikan butiran mereka (rujuk Jadual 3.1 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini) kepada Peniaga (Penjual) semasa pembelian dibuat bagi tujuan pengeluaran e-Invois apabila diminta.

3. **Aplikasi mudah alih MyInvois:** Peniaga yang tidak mempunyai aplikasi perniagaan atau Sistem POS sendiri boleh menggunakan aplikasi mudah alih MyInvois untuk mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli apabila diminta. Peniaga (Penjual) perlu memasukkan butiran yang diperlukan untuk mengeluarkan e-Invois.
4. **Permintaan selepas transaksi melalui platform dalam talian (Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan):** Pembeli yang tidak membuat permintaan untuk e-Invois semasa pembelian masih boleh memohon e-Invois melalui portal sesawang atau aplikasi mudah alih perniagaan yang dibangunkan oleh Peniaga (Penjual).

3.8.5 Berikut merupakan ringkasan perjalanan Pembeli berdasarkan contoh-contoh yang diberikan.

1. Platform dalam talian (Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan)

Rajah 3.9 menunjukkan contoh proses pengeluaran e-Invois melalui platform dalam talian (Portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan).



Rajah 3.9 - Proses pengeluaran e-Invois melalui platform dalam talian (Portal Sesawang / Aplikasi Mudah Alih Perniagaan)

Contoh Senario:

Pembeli memandu ke stesen minyak berdekatan untuk mengisi minyak petrol kenderaan. Di stesen tersebut, Pembeli menggunakan aplikasi mudah alih perniagaan untuk membayar amaun minyak petrol yang diinginkan dengan mudah dan meminta e-Invois. Aplikasi mudah alih perniagaan membenarkan Pembeli untuk memilih profil Peribadi atau Korporat, yang mengandungi butiran Pembeli yang diperlukan bagi tujuan e-Invois (rujuk Jadual 3.1 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini). Selepas mengesahkan butiran, aplikasi mudah alih perniagaan menghantar permintaan kepada Sistem MyInvois untuk mengeluarkan e-Invois. Dalam masa kurang daripada dua (2) saat, API mengesahkan e-Invois dan segera memberi maklum balas kepada aplikasi mudah alih perniagaan berserta dengan e-Invois yang telah disahkan.


Setelah e-Invois yang disahkan diterima daripada LHDNM, aplikasi mudah alih perniagaan akan menghantar notifikasi bagi memaklumkan pengguna aplikasi untuk melihat e-Invois dalam aplikasi tersebut.

Pada masa yang sama, LHDNM juga menghantar pemakluman kepada Pembeli sebaik sahaja e-Invois tersebut disahkan.

Proses yang lancar ini dapat memastikan pengalaman yang mudah dan efisien kepada pengguna platform dalam talian.

2. Sistem Point-of-Sale (POS) Peniagaan

Rajah 3.10 menunjukkan contoh proses pengeluaran e-Invois melalui Sistem POS peniagaan.



Rajah 3.10 - Proses pengeluaran e-Invois melalui Sistem POS peniagaan


Contoh Senario:

Pembeli membeli barangan runcit di sebuah kedai dan membuat permintaan untuk e-Invois. Juruwang mengimbas pembelian menggunakan Sistem POS, seperti amalan semasa perniagaan dan meminta butiran Pembeli (rujuk Jadual 3.1 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini). Tempoh interaksi bagi proses ini mungkin mengambil masa sehingga enam puluh (60) saat. Sistem POS kemudiannya akan menghantar permintaan kepada Sistem MyInvois dengan butiran Pembeli untuk mengeluarkan e-Invois. Setelah e-Invois disahkan, API memberikan maklum balas kepada POS berserta dengan e-Invois yang telah disahkan dalam masa kurang daripada dua (2) saat. Pada masa yang sama, LHDNM juga menghantar pemakluman kepada Pembeli sebaik sahaja e-Invois tersebut disahkan.

Sistem POS memaparkan e-Invois yang telah disahkan kepada juruwang sebagai bukti pengesahan berjaya. Akhir sekali, juruwang berkongsi cetakan e-Invois yang disahkan dengan Pembeli bagi melengkapkan proses transaksi.

3. Aplikasi mudah alih MyInvois

Rajah 3.11 menunjukkan contoh proses pengeluaran e-Invois melalui aplikasi mudah alih MyInvois.



Rajah 3.11 - Proses pengeluaran e-Invois untuk transaksi melalui aplikasi mudah alih MyInvois

Contoh Senario:


Pembeli membeli makanan dari sebuah gerai dan meminta e-Invois daripada pemilik gerai. Pemilik gerai memasukkan maklumat pembelian ke dalam aplikasi mudah alih MyInvois untuk menyediakan e-Invois. Selepas itu, pemilik gerai meminta Pembeli untuk memasukkan butiran mereka melalui aplikasi mudah alih MyInvois sementara pemilik gerai membungkus makanan yang diminta oleh Pembeli. Sebaik sahaja Pembeli telah melengkapkan butiran mereka, pemilik gerai menghantar e-Invois kepada LHDNM untuk pengesahan. Setelah e-Invois disahkan, Sistem MyInvois memberi maklum balas kepada aplikasi mudah alih MyInvois berserta dengan e-Invois yang telah disahkan dalam masa kurang daripada dua (2) saat.

Pada masa yang sama, LHDNM juga menghantar pemakluman kepada Pembeli sebaik sahaja e-Invois tersebut disahkan.

Aplikasi mudah alih MyInvois kemudian memaparkan e-Invois yang telah disahkan kepada juruwang sebagai bukti pengesahan berjaya. Akhir sekali, pemilik gerai berkongsi e-Invois yang telah disahkan kepada Pembeli melalui e-mel atau aplikasi mudah alih, di mana Pembeli boleh menggunakan e-Invois yang disahkan tersebut sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.

4. Portal sesawang layan diri / aplikasi mudah alih perniagaan (untuk e-Invois yang tidak dijana di tempat pembelian / tempat penjualan)

Rajah 3.12 menunjukkan contoh proses pengeluaran e-Invois yang tidak dijana di tempat pembelian / tempat penjualan untuk transaksi melalui portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan.



Rajah 3.12 - Proses pengeluaran e-Invois melalui portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan

Contoh Senario:

Pembeli membeli peralatan sukan dari sebuah kedai untuk kegunaan peribadi dan kedai tersebut telah mengeluarkan resit biasa memandangkan Pembeli tidak meminta e-Invois semasa pembayaran. Pembeli kemudiannya melayari portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan yang disediakan oleh peniaga. Pembeli memasukkan nombor resit serta butiran Pembeli (rujuk Jadual 3.1 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini) ke dalam portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan. Setelah maklumat dimasukkan, portal sesawang / aplikasi mudah alih perniagaan menghantar permintaan kepada Sistem MyInvois dengan butiran Pembeli untuk mengeluarkan e-Invois bagi tujuan pengesahan. Sistem MyInvois memberi maklum balas kepada portal sesawang atau aplikasi mudah alih perniagaan berserta dengan e-Invois yang telah disahkan dalam masa kurang daripada dua (2) saat.

Pada masa yang sama, LHDNM juga menghantar pemakluman kepada Pembeli sebaik sahaja e-Invois tersebut disahkan.

Portal sesawang atau aplikasi mudah alih perniagaan membenarkan Pembeli memuat turun atau menghantar e-Invois ke peti masuk e-mel mereka sendiri, di mana Pembeli boleh menggunakan e-Invois yang telah disahkan sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.

4. PENYATA ATAU BIL YANG DIKELUARKAN SECARA BERKALA

4.1 Pada masa ini, terdapat perniagaan / industri / sektor tertentu yang mengamalkan pengeluaran penyata atau bil untuk merekodkan pelbagai transaksi antara Penjual dan Pembeli (contohnya, perniagaan, pelanggan dan sebagainya) dalam tempoh masa yang ditetapkan (contohnya, secara bulanan, dwi-bulanan, suku tahunan, dwi-tahunan, tahunan), dan bukannya pengeluaran invois individu untuk setiap transaksi. Antara industri / sektor yang terlibat adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Pembayaran digital / elektronik
- (b) Perkhidmatan kewangan, termasuklah perbankan dan institusi kewangan
- (c) Penjagaan kesihatan
- (d) Insurans
- (e) Broker saham
- (f) Telekomunikasi

4.2 Pengeluaran e-Invois kepada Pembeli

4.2.1 Pada ketika ini, perniagaan (Penjual) yang mengeluarkan penyata / bil kepada pelanggan (Pembeli) biasanya akan memasukkan jumlah yang terhutang oleh Pembeli kepada Penjual (contohnya, caj transaksi). Penyata / bil tersebut juga mungkin mengandungi pelarasan kepada penyata / bil untuk tempoh sebelumnya serta pembayaran / kredit kepada Pembeli (contohnya, rebat).

- 4.2.2 Setelah pelaksanaan e-Invois, Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois sebagai bukti pendapatan dan / atau bukti perbelanjaan untuk item yang ditunjukkan dalam penyata / bil. Dalam erti kata lain, Penjual dibenarkan untuk memasukkan jumlah yang perlu dibayar oleh Pembeli kepada Penjual serta bayaran / kredit kepada Pembeli dalam e-Invois yang sama.
- 4.2.3 Bagi meminimumkan gangguan kepada perniagaan, LHDNM membenarkan Penjual yang mengeluarkan penyata / bil secara berkala untuk menghantar e-Invois dalam format XML atau JSON bagi tujuan pengesahan LHDNM dan menukarkan e-Invois yang telah disahkan ke dalam bentuk paparan visual seperti penyata / bil untuk dihantar kepada Pembeli.
- 4.2.4 Bagi tujuan penghantaran e-Invois dalam format XML atau JSON kepada LHDNM, e-Invois tersebut hanya terhad kepada pendapatan dan perbelanjaan Penjual.
- 4.2.5 Penjual dibenarkan menyediakan dan mengemukakan e-Invois untuk pengesahan LHDNM mengikut kekerapan pengeluaran masing-masing (contohnya, bulanan, dwi-bulanan, suku tahunan, dwi-tahunan, tahunan).
- 4.2.6 Langkah-langkah yang terlibat dalam pengeluaran e-Invois kepada Pembeli adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual mendapatkan pengesahan daripada Pembeli sekiranya e-Invois diperlukan.

Langkah 2: Sekiranya Pembeli mengesahkan bahawa mereka memerlukan e-Invois, Pembeli dikehendaki mengemukakan maklumat yang diperlukan kepada Penjual untuk memudahkan pengeluaran e-Invois (Rujuk Jadual 3.1 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut).

Langkah 3: Penjual dikehendaki melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Proses pengeluaran e-Invois adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.

Langkah 4: e-Invois yang telah disahkan boleh digunakan sebagai bukti pendapatan dan / atau perbelanjaan Penjual, manakala e-Invois yang dipaparkan dalam bentuk penyata / bil kepada Pembeli boleh digunakan sebagai bukti perbelanjaan dan / atau pendapatan oleh Pembeli untuk menyokong transaksi tertentu bagi tujuan percukaian.

4.2.7 Bagi memudahkan proses pengeluaran e-Invois yang lebih efisien dan meringankan beban individu dalam memberikan maklumat TIN dan nombor pengenalan, LHDNM menyediakan konsesi kepada individu. Sila rujuk Seksyen 3.5.4 hingga Seksyen 3.5.7 dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut.

4.2.8 Maklumat yang perlu dimasukkan dalam e-Invois adalah berdasarkan medan data yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut akan membantu Penjual untuk mengeluarkan e-Invois:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli	Untuk perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Penjual memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Pembeli <u>Untuk perniagaan asing</u> Penjual memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Pembeli (jika ada) Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual memasukkan “EI0000000020” untuk Pembeli Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual memasukkan “NA”
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera)

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
			<u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1, Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli	Penjual memasukkan alamat perniagaan (untuk perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pembeli
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli	Penjual memasukkan nombor telefon Pembeli

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Penjual memasukkan nombor pendaftaran CJP Pembeli (jika berkenaan) Penjual memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak berkenaan, tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Kod / Nombor e-Invois	Nombor rujukan penyata yang dikeluarkan oleh Penjual kepada Pembeli (contohnya, perniagaan / individu)	Penjual memasukkan nombor rujukan penyata / bil yang dikeluarkan kepada Pembeli (contohnya, perniagaan / individu)

Jadual 4.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli (diterjemah ke dalam format penyata / bil untuk paparan visual)

Contoh 6

Jenny telah menjadi pelanggan setia pelan pascabayar Delca Telco Sdn Bhd selama beberapa tahun. Sebagai tanda penghargaan ke atas kesetiaan Jenny, Delca Telco Sdn Bhd telah memutuskan untuk memberikan rebat bulanan sebanyak RM10 selama tempoh 24 bulan.

Delca Telco Sdn Bhd dikehendaki untuk memasukkan rebat bulanan sebanyak RM10 tersebut dalam e-Invois, di mana rebat itu akan dipaparkan secara paparan visual dalam format penyata / bil

yang dikeluarkan kepada Jenny, bersama-sama dengan yuran komitmen pelan bulanan yang perlu dibayar oleh Jenny.

Contoh 7

Envisage Telco Sdn Bhd (ETSB) mengeluarkan penyata bulanan kepada pelanggan mereka untuk pengebilan caj telekomunikasi yang dikenakan bagi bulan sebelumnya. Rajesh, salah seorang pelanggan ETSB telah meminta e-Invois sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian. ETSB telah menyediakan dan mengemukakan e-Invois kepada LHDNM untuk pengesahan. Setelah disahkan, ETSB menukar e-Invois kepada paparan visual dalam bentuk penyata sebelum berkongsi e-Invois berkenaan kepada Rajesh.

Rajah 4.1 menunjukkan contoh paparan visual e-Invois dalam bentuk penyata.

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Envisage Telco Sdn Bhd Tingkat 3, Bangunan Ilmu, Persiaran Jaya, 50480, Kuala Lumpur 60367891234 envisage@telco.com							
TIN Penjual: C135456789120 Nombor Pendaftaran Penjual: 674590111122 ID CJP Penjual: E10-1234-56789012 Kod MSIC Penjual: 61902 Butiran aktiviti perniagaan Penjual: Penyediaan perkhidmatan telekomunikasi melalui sambungan telekom sedia ada						E-INVOIS Jenis e-Invois: 01 – Invois Versi e-Invois: 1.0 Kod e-Invois: INV00012 No. ID Unik: 987456789-2021-7654335 No. Rujukan Invois Asal: Tidak Berkenaan Tarikh dan Masa Invois: 07/08/2024 02:36:20	
TIN Pembeli: IG678654321120 Nama Pembeli: Rajesh A/L Kumar Nombor Pengenaln Pembeli: 000000000000 Alamat Pembeli: 23, Tingkat 6, Jin Jaya, 40150 Selangor, Malaysia No. Telefon Pembeli (Mobit): 6012334567890 E-mel Pembeli: rajeshkumar@gmail.com						Kaedah pembayaran Kekerapan Bil Tempoh Bil Kad Kredit Bulanan 1 Ogos 2024 – 31 Ogos 2024	
Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
020	Caj bulanan – G60	1	RM60.00	RM60.00	-	RM3.60	RM63.60
020	Lain-lain caj	1	RM15.00	RM15.00	-	RM0.90	RM15.90
	Jumlah			RM75.00	-	RM4.50	RM79.50
	Jumlah tidak termasuk cukai						RM75.00
	Jumlah cukai						RM 4.50
	Jumlah termasuk cukai						RM79.50
	Jumlah amaun perlu dibayar						RM79.50
Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan		Jenis cukai	Kadar cukai	Jumlah cukai			
RM75.00		Cukai perkhidmatan	6.00%	RM4.50			
Tandatangan Digital: 9e83e05bbf9b5db17ac0deec3b7ce6cba983f6dc50531c7a919f28d5fb369etc3 Tarikh dan Masa Pengesahan: 07/08/2024 02:36:22 Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois							



Rajah 4. 1 - Contoh paparan visual e-Invois yang disahkan dalam bentuk penyata (format PDF)

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk kepada perubahan.

4.3 **Pengeluaran e-Invois yang disatukan untuk Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois**

4.3.1 Sekiranya Pembeli tidak memerlukan e-Invois, Penjual akan mengeluarkan penyata / bil biasa kepada Pembeli (sama seperti amalan semasa perniagaan, di mana maklumat dalam penyata / bil tersebut tidak perlu dikemukakan untuk pengesahan LHDNM).

4.3.2 Penjual dibenarkan untuk menyatukan penyata / bil mengikut tempoh pengeluaran semasa bagi setiap penyata / bil perniagaan masing-masing.

4.3.3 Selepas menyatukan semua penyata / bil, Penjual dikehendaki menyediakan dan mengemukakan e-Invois yang disatukan kepada LHDNM untuk pengesahan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan pengebilan.

4.3.4 Secara ringkasnya, apabila Pembeli tidak memerlukan e-Invois, langkah-langkah yang terlibat untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual mendapatkan pengesahan daripada Pembeli sekiranya e-Invois diperlukan.

Langkah 2: Sekiranya Pembeli mengesahkan bahawa mereka tidak memerlukan e-Invois, Penjual akan terus mengeluarkan penyata / bil kepada Pembeli (seperti amalan semasa perniagaan).

Langkah 3: Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan pengebilan, Penjual akan mengumpulkan semua penyata / bil yang telah dikeluarkan dalam bulan pengebilan sebelumnya dan mengeluarkan e-Invois yang disatukan sebagai bukti pendapatan dan perbelanjaan Penjual.

Langkah 4: Penjual akan mengeluarkan e-Invois yang disatukan berdasarkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Proses pengeluaran e-Invois yang disatukan adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API), dengan pengecualian berikut:

- Setelah e-Invois yang disatukan telah disahkan, LHDNM akan menghantar notifikasi kepada Penjual sahaja (iaitu tiada notifikasi akan dihantar kepada Pembeli kerana e-Invois ini dikeluarkan kepada umum). Sehubungan itu, tidak akan ada permohonan penolakan daripada Pembeli.

4.3.5 e-Invois yang telah disahkan akan digunakan sebagai bukti pendapatan dan perbelanjaan Penjual. Oleh itu, e-Invois yang telah disahkan tersebut tidak perlu dikongsi kepada Pembeli.

4.3.6 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois yang disatukan adalah mengikut medan data yang diperlukan sepertimana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu Penjual untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan:

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli	Penjual memasukkan "Umum" dalam e-Invois yang disatukan
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli	Penjual memasukkan "EI00000000010" dalam e-Invois yang disatukan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	Penjual memasukkan "NA"
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli	Penjual memasukkan "NA"
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli	Penjual memasukkan "NA"
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor pendaftaran CJP Pembeli	Penjual memasukkan "NA"
7	Keterangan Produk / Perkhidmatan	Butiran produk atau perkhidmatan yang dibilkan untuk transaksi komersial dengan Pembeli	LHDNM membenarkan Penjual untuk mengguna pakai satu (atau gabungan) daripada kaedah-kaedah berikut:

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
			(a) Ringkasan bagi setiap penyata / bil dimasukkan sebagai baris item yang berasingan (b) Senarai penyata / bil (mengikut rantaian nombor rujukan penyata / bil yang berturutan) dimasukkan sebagai baris item (sekiranya terdapat rantaian nombor rujukan penyata / bil yang terputus, rantaian nombor rujukan penyata / bil yang seterusnya hendaklah dimasukkan sebagai baris item yang baharu) (c) Cawangan atau lokasi hendaklah mengemukakan e-Invois yang disatukan

Bil.	Medan data	Maklumat yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois yang disatukan	Maklumat tambahan
			menggunakan sama ada (a) atau (b) di atas untuk penyata / bil yang dikeluarkan oleh cawangan atau lokasi tersebut Sila ambil perhatian bahawa bagi mana-mana kaedah yang diguna pakai oleh perniagaan, nombor rujukan penyata / bil bagi setiap transaksi hendaklah dimasukkan di bawah medan ini dalam e-Invois yang disatukan


Jadual 4.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual untuk pengeluaran e-Invois yang disatukan (penyata / bil yang disatukan)

4.3.7 Industri terkawal seperti institusi kewangan, sistem pembayaran dan entiti lain yang berkaitan tidak perlu mendedahkan nombor rujukan penyata / bil dalam e-Invois yang disatukan.

5. PEMBAYARAN (*DISBURSEMENT*) ATAU PEMBAYARAN GANTI (*REIMBURSEMENT*)

- 5.1 Pembayaran ganti (*reimbursement*) merujuk kepada perbelanjaan yang ditanggung oleh penerima bayaran semasa memberikan perkhidmatan atau penjualan barangan kepada pembayar (iaitu, Pembeli), yang kemudiannya dibayar balik oleh pembayar. Perbelanjaan tersebut termasuk kos tambang penerbangan, perjalanan, penginapan, telefon dan caj fotokopi.
- 5.2 Pembayaran (*disbursement*) adalah perbelanjaan yang ditanggung oleh pembayar (iaitu, Pembeli) dan dibayar kepada pihak ketiga (bagi pihak pembayar) oleh penerima bayaran berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan atau penjualan barangan oleh penerima bayaran kepada pembayar.
- 5.3 Pada ketika ini, Penjual akan memasukkan pembayaran ganti dan pembayaran dalam invois mereka kepada Pembeli.
- 5.4 Istilah berikut digunakan bagi memudahkan pemahaman mengenai perbincangan senario dalam Seksyen 5.5 dan 5.6.
- (a) 'Penjual 1' mewakili Penjual pertama; dan
 - (b) 'Penjual 2' mewakili pihak ketiga / perantara.

5.5 Senario 1: Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli



Rajah 5.1 - Senario di mana Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli

- 5.5.1 Penjual 1 mengeluarkan e-Invois terus kepada Pembeli untuk barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan kepada Pembeli. Selepas itu, Penjual 2 membuat bayaran kepada Penjual 1 untuk menyelesaikan e-Invois yang dikeluarkan kepada Pembeli tersebut, mengikut aturan yang dipersetujui antara Penjual 2 dan Pembeli.
- 5.5.2 Seterusnya, Penjual 2 akan mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli untuk barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan oleh Penjual 2.
- 5.5.3 Oleh kerana Penjual 1 telah mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli, perkara yang sama tidak boleh dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh Penjual 2 kepada Pembeli.
- 5.5.4 Langkah-langkah untuk pengeluaran e-Invois bagi senario di atas adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual 2 telah memeterai perjanjian dengan Pembeli untuk pembekalan barangan atau penyediaan perkhidmatan. Sebagai sebahagian daripada aturan, Penjual 2 akan membuat bayaran bagi pihak Pembeli untuk menyelesaikan sebarang perbelanjaan yang ditanggung sepanjang tempoh kontrak.

Langkah 2: Setelah penjualan atau transaksi berlaku, Penjual 1 akan mengeluarkan e-Invois terus kepada Pembeli dengan mengisi medan yang diperlukan sepertimana yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois dan mengemukakannya kepada LHDNM untuk pengesahan.

Proses pengeluaran e-Invois adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois)

dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) dalam Garis Panduan e-Invois.

Langkah 3: Penjual 2 akan membuat bayaran bagi pihak Pembeli kepada Penjual 1 untuk menyelesaikan amaun tertunggak. Penjual 1 akan mengeluarkan bukti pembayaran kepada Penjual 2 bagi penyelesaian tersebut.

Langkah 4: Penjual 2 akan mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli untuk barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan oleh Penjual 2 kepada Pembeli (proses mengeluarkan e-Invois adalah sama seperti Langkah 2 di atas). Penjual 2 tidak boleh memasukkan bayaran yang dibuat bagi pihak Pembeli dalam e-Invois Penjual 2 atau mengeluarkan e-Invois tambahan bagi bayaran tersebut.

Penjual 2 mengemukakan bukti pembayaran kepada Pembeli untuk menuntut semula bayaran yang telah dibuat kepada Penjual 1 bagi pihak Pembeli.

Contoh 8

Perniagaan Adibah melantik perancang majlis untuk melancarkan produk terbaharu mereka pada 9 Oktober 2024. Pada 1 Oktober 2024, perancang majlis membeli bunga daripada penjual bunga untuk hiasan. Penjual bunga telah mengeluarkan e-Invois terus kepada Perniagaan Adibah untuk bunga yang dibekalkan pada 7 Oktober 2024.

Seperti yang dipersetujui dalam kontrak perkhidmatan, perancang majlis akan membuat bayaran bagi pihak Perniagaan Adibah untuk menyelesaikan apa-apa amaun tertunggak yang ditanggung dan mendapatkan semula amaun yang sama daripada Perniagaan Adibah di kemudian hari. Pada 8 Oktober 2024, perancang majlis

membayar RM4,000 kepada penjual bunga bagi pihak Perniagaan Adibah untuk bunga yang dibeli.

Pada 12 Oktober 2024, perancang majlis mengeluarkan e-Invois kepada Perniagaan Adibah untuk perkhidmatan yang diberikan. Perancang majlis hanya perlu memasukkan yuran perkhidmatan dalam e-Invois kepada Perniagaan Adibah, bersama dengan caj lain. Walau bagaimanapun, RM4,000 yang dibayar bagi pihak Perniagaan Adibah tidak boleh dimasukkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh perancang majlis.

Untuk mendapatkan semula RM4,000 yang dibayar bagi pihak Perniagaan Adibah kepada penjual bunga, perancang majlis mengemukakan salinan bukti pembayaran kepada Perniagaan Adibah.

Contoh 9

DEF Company Sdn Bhd (DEF) adalah anak syarikat ABC Company Sdn Bhd (ABC). Pada 1 September 2024, HR Hiring Sdn Bhd telah menyediakan perkhidmatan pengambilan pekerja kepada DEF berjumlah RM10,000 dan e-Invois telah dikeluarkan oleh HR Hiring Sdn Bhd kepada DEF.

Oleh kerana DEF mempunyai masalah aliran tunai, ABC telah membuat bayaran sebanyak RM10,000 kepada HR Hiring Sdn Bhd bagi pihak DEF dan merekodkan amaun yang terhutang daripada DEF dalam buku perakaunannya. Selepas itu, DEF telah membayar balik amaun yang terhutang kepada ABC (iaitu, RM10,000) pada 31 Disember 2024.


Tiada keperluan untuk e-Invois dikeluarkan oleh:

- (a) HR Hiring Sdn Bhd kepada ABC; dan
- (b) ABC kepada DEF,

kerana tiada jualan atau transaksi yang berlaku antara pihak-pihak tersebut.

Dalam apa jua keadaan, sekiranya ABC mengenakan suatu caj antara-syarikat kepada DEF untuk aturan pembayaran bagi pihak yang telah dibuat, e-Invois perlu dikeluarkan oleh ABC kepada DEF sebagai bukti pendapatan (untuk ABC) dan bukti perbelanjaan (untuk DEF).

5.6 Senario 2: Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Penjual 2



Rajah 5.2 - Senario di mana Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Penjual 2

5.6.1 Penjual 1 mengeluarkan e-Invois kepada Penjual 2 untuk barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan kepada Pembeli. Penjual 2 membuat bayaran kepada Penjual 1, mengikut aturan yang dipersetujui antara Penjual 2 dan Pembeli.

5.6.2 Sehubungan itu, Penjual 2 akan mengeluarkan e-Invois berasingan kepada Pembeli untuk merekodkan amaun yang ditanggung bagi pihak Pembeli berserta dengan barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan oleh Penjual 2, di mana kesemuanya akan dipaparkan sebagai baris item berasingan dalam e-Invois (iaitu, satu baris untuk caj yuran perkhidmatan dan satu baris lagi untuk pembayaran / pembayaran ganti).

5.6.3 Langkah-langkah untuk pengeluaran e-Invois bagi senario di atas adalah seperti berikut:

Langkah 1: Penjual 2 telah memeterai perjanjian dengan Pembeli untuk pembekalan barangan atau penyediaan perkhidmatan. Sebagai sebahagian daripada aturan, Penjual 2 akan membuat bayaran bagi pihak Pembeli untuk menyelesaikan sebarang perbelanjaan yang ditanggung sepanjang tempoh kontrak.

Langkah 2: Setelah penjualan atau transaksi berlaku, Penjual 1 akan mengeluarkan e-Invois kepada Penjual 2 dengan mengisi medan yang diperlukan sepertimana yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois dan mengemukakankannya kepada LHDNM untuk pengesahan.

Proses pengeluaran e-Invois adalah sama dengan aliran kerja e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.

Langkah 3: Penjual 2 akan membuat bayaran kepada Penjual 1. Penjual 1 akan mengeluarkan bukti bayaran kepada Penjual 2 untuk penyelesaian.

Langkah 4: Penjual 2 akan mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli (sama seperti Langkah 2 di atas) untuk merekodkan amaun yang ditanggung bagi pihak Pembeli (contohnya, pembayaran / pembayaran ganti) berserta dengan barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan oleh Penjual 2, yang akan dipaparkan sebagai baris item berasingan dalam e-Invois.

Contoh 10

Menggunakan fakta yang sama seperti dalam Contoh 8, kecuali perancang majlis telah menanggung RM30,000 bagi menyewa dewan bankuet hotel untuk majlis pelancaran produk. e-Invois telah dikeluarkan oleh pihak hotel kepada perancang majlis.

Perancang majlis akan mengeluarkan e-Invois untuk mengenakan caj kepada Perniagaan Adibah bagi perkhidmatan yang disediakan serta untuk mendapatkan semula bayaran sewa dewan bankuet hotel. Baris item yang berasingan akan dipaparkan dalam e-Invois yang dikeluarkan oleh perancang majlis untuk yuran perkhidmatan dan sewa dewan bankuet hotel.

6. PERKUISIT DAN MANFAAT PEKERJA

- 6.1 Seseorang individu di bawah kontrak perkhidmatan (iaitu, penggajian) boleh diberikan manfaat pekerja oleh majikannya. Manfaat pekerja merangkumi manfaat dalam bentuk tunai atau dalam bentuk barangan yang diterima oleh pekerja daripada majikan atau pihak ketiga berhubung dengan memiliki atau menjalankan penggajian, seperti:
- (a) Liabiliti kewangan pekerja (contohnya, bil utiliti, yuran parkir dan caj penyelenggaraan kereta)
 - (b) Keahlian kelab
 - (c) Keahlian gimnasium
 - (d) Yuran profesional
 - (e) Elaun (contohnya, elaun perjalanan, elaun petrol atau kadar tol, kadar / elaun parkir, elaun makan)
- 6.2 Pada masa ini, pekerja dikehendaki mengemukakan tuntutan perbelanjaan mereka kepada majikan.
- 6.3 Apabila pekerja dibenarkan untuk menuntut perbelanjaan tersebut daripada majikannya, pekerja dikehendaki membuktikan kesahihan perbelanjaan tersebut dengan menyertakan dokumen sokongan (contohnya, bil, resit, invois, penyata, slip pembayaran dan sebagainya). Oleh itu, perbelanjaan yang dituntut oleh pekerja akan direkodkan sebagai perbelanjaan majikan dan dilaporkan untuk tujuan percukaian.
- 6.4 Setelah pelaksanaan e-Invois, apabila sesuatu jualan atau transaksi telah dilakukan, pekerja dikehendaki untuk meminta e-Invois dikeluarkan kepada majikan mereka sebagai bukti perbelanjaan oleh majikan, seboleh yang mungkin.

6.5 LHDNM mengambil maklum bahawa terdapat cabaran mendapatkan e-Invois untuk dikeluarkan atas nama majikan (sebagai Pembeli). Sehubungan itu, LHDNM menyediakan konsesi seperti berikut:

- (a) Perniagaan akan dibenarkan untuk menggunakan e-Invois yang dikeluarkan atas nama pekerja atau dokumen sokongan sedia ada bagi menyokong transaksi tertentu sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.
- (b) Sekiranya pembayaran berkaitan dengan perkuisit dan manfaat dibuat kepada pembekal asing, pihak majikan dan pekerja tidak perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Oleh itu, LHDNM akan menerima resit / bil / invois daripada pembekal asing atau dokumen sokongan sedia ada sebagai bukti perbelanjaan.

Pengecualian ini hanya akan terpakai sekiranya perkuisit dan manfaat berkenaan dinyatakan dengan jelas dalam polisi majikan.

6.6 Langkah-langkah yang terlibat bagi senario di atas adalah seperti berikut:

Langkah 1: Untuk sebarang tuntutan perbelanjaan yang ingin dibuat oleh pekerja, pekerja perlu mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada Penjual sekiranya e-Invois boleh dikeluarkan atas nama majikan (sebagai Pembeli).

Langkah 2: Jika e-Invois boleh dikeluarkan kepada majikan, pekerja perlu memberikan butiran majikan supaya e-Invois dapat dikeluarkan kepada majikan.

Sekiranya Langkah 1 tidak dapat dilakukan, pekerja perlu memberikan maklumat peribadi mereka kepada Penjual untuk tujuan pengeluaran e-Invois kepada pekerja (sebagai Pembeli).

Langkah 3: Pembayaran akan dibuat oleh pekerja setelah menerima e-Invois yang telah disahkan daripada Penjual.

Langkah 4: Pekerja mengemukakan tuntutan perbelanjaan mereka dengan menyerahkan e-Invois yang telah disahkan (sama ada dikeluarkan atas nama majikan atau pekerja) sebagai dokumen sokongan kepada majikan.

7. PERBELANJAAN TERTENTU YANG DIBELANJAKAN OLEH PEKERJA BAGI PIHAK MAJIKAN

- 7.1 Seseorang individu di bawah kontrak perkhidmatan (iaitu, penggajian) boleh menanggung perbelanjaan tertentu bagi pihak majikan. Perbelanjaan tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penginapan, tol, perbatuan, parkir, perbelanjaan telekomunikasi dan perbelanjaan yang ditanggung di negara asing.
- 7.2 Pada masa ini, pekerja dikehendaki mengemukakan tuntutan perbelanjaan mereka kepada majikan dengan membuktikan kesahihan perbelanjaan tersebut melalui dokumen sokongan (contohnya, bil, resit, invois, penyata, slip pembayaran dan sebagainya).
- 7.3 Setelah pelaksanaan e-Invois, apabila sesuatu jualan atau transaksi telah dilakukan, pekerja dikehendaki untuk meminta e-Invois dikeluarkan kepada majikan mereka sebagai bukti perbelanjaan oleh majikan, seboleh yang mungkin.
- 7.4 Walau bagaimanapun, LHDNM mengambil maklum bahawa terdapat kesukaran mendapatkan e-Invois untuk dikeluarkan atas nama majikan (sebagai Pembeli) bagi perbelanjaan tertentu. Sehubungan itu, LHDNM menyediakan konsesi seperti berikut:
- (a) Perniagaan akan dibenarkan untuk menggunakan e-Invois yang dikeluarkan atas nama pekerja atau dokumen sokongan sedia ada bagi menyokong transaksi tertentu sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.
 - (b) Sekiranya pekerja membayar perbelanjaan yang dibuat di luar negara, pihak majikan dan pekerja tidak perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Oleh itu, LHDNM akan menerima bil / resit / invois asing atau dokumen sokongan sedia ada sebagai bukti perbelanjaan.

7.5 Pengecualian ini hanya terpakai sekiranya majikan dapat membuktikan bahawa pekerja tersebut bertindak bagi pihak majikan dalam menanggung perbelanjaan tersebut.

7.6 Langkah-langkah yang terlibat bagi senario di atas adalah seperti berikut:

Langkah 1: Untuk sebarang tuntutan perbelanjaan yang ingin dibuat oleh pekerja, pekerja perlu mendapatkan pengesahan terlebih dahulu daripada Penjual sama ada e-Invois boleh dikeluarkan atas nama majikan (sebagai Pembeli).

Langkah 2: Jika e-Invois boleh dikeluarkan kepada majikan, pekerja perlu memberikan butiran majikan supaya e-Invois dapat dikeluarkan kepada majikan.

Sekiranya Langkah 1 tidak dapat dilakukan, pekerja perlu memberikan maklumat peribadi mereka kepada Penjual untuk pengeluaran e-Invois kepada pekerja (sebagai Pembeli).

Langkah 3: Pembayaran akan dibuat oleh pekerja setelah menerima e-Invois yang telah disahkan daripada Penjual.

Langkah 4: Pekerja mengemukakan tuntutan perbelanjaan mereka dengan menyerahkan e-Invois yang telah disahkan (sama ada dikeluarkan atas nama majikan atau pekerja) sebagai dokumen sokongan kepada majikan.

8. E-INVOIS BIL KENDIRI

- 8.1 Apabila sesuatu jualan atau transaksi dilakukan, e-Invois dikeluarkan oleh Penjual untuk merekodkan pendapatan Penjual (bukti pendapatan) dan rekod pembelian yang dibuat / dibelanjakan oleh Pembeli (bukti perbelanjaan).
- 8.2 Walau bagaimanapun, terdapat keadaan tertentu di mana pihak lain (selain Penjual) dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri.
- 8.3 Bagi tujuan e-Invois, Pembeli perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk transaksi-transaksi berikut:
- (a) Bayaran kepada ejen, pengedar, pengagih dan sebagainya (rujuk Seksyen 9 Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk maklumat lanjut)
 - (b) Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan oleh penjual asing (rujuk Seksyen 10.4 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut)
 - (c) Agihan keuntungan (contohnya, agihan dividen) (rujuk Seksyen 11 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut)
 - (d) Transaksi perdagangan elektronik (e-dagang) (rujuk Seksyen 14 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut)
 - (e) Bayaran kepada semua pemenang pertaruhan dan perjudian¹
 - (f) Transaksi dengan individu (yang tidak menjalankan perniagaan) (hanya terpakai jika keadaan e-Invois bil sendiri yang lain tidak terpakai)

¹ Bayaran kepada pemenang yang berkaitan dengan pertaruhan dan perjudian (i) di kasino dan (ii) dari mesin judi (rujuk Jadual 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini) dikecualikan daripada pengeluaran e-Invois bil sendiri sehingga diberitahu kelak.

(g) Bayaran faedah, kecuali:

- i. Perniagaan (contohnya, institusi kewangan dan lain-lain) yang mengenakan caj faedah kepada orang awam (tanpa mengira sama ada mereka adalah perniagaan atau individu);
- ii. Bayaran faedah yang dibuat oleh pekerja kepada majikan;
- iii. Bayaran faedah yang dibuat oleh pembayar asing kepada pembayar cukai Malaysia;
- iv. Bayaran faedah kepada syarikat berkaitan (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967) yang diperbadankan di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan perbendaharaan berpusat kepada syarikat-syarikat berkaitannya²; dan
- v. Faedah atau caj bayaran lewat yang dikenakan oleh pembayar cukai Malaysia.

Sila ambil perhatian bahawa Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois bagi pengecualian yang dinyatakan di atas.

- (h) Tuntutan, pampasan atau bayaran manfaat daripada perniagaan insurans yang merupakan penanggung insurans
- (i) Bayaran yang berkaitan dengan pengurangan modal, penebusan saham / modal / unit, pembelian semula saham, pemulangan modal atau hasil pembubaran.

Harap maklum bahawa Pembeli dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri mengikut tempoh pengeluaran yang ditetapkan seperti berikut³:

² Memandangkan pembayar cukai mungkin memerlukan masa tambahan untuk membuat penyesuaian ke atas sistem mereka, pembayar cukai dibenarkan melaksanakan keperluan ini selewat-lewatnya pada 1 Julai 2025.

³ Sila ambil perhatian bahawa tempoh pengeluaran hanya terpakai untuk transaksi yang dinyatakan di bawah Seksyen 8.3 (i) dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Jika terdapat perjanjian bertulis	• Jika tiada kelulusan diperlukan daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh pengeluaran adalah tarikh perjanjian • Jika kelulusan diperlukan daripada kerajaan atau kerajaan negeri, tarikh pengeluaran adalah tarikh kelulusan tersebut, atau jika kelulusan itu bersyarat, tarikh pengeluaran adalah tarikh di mana syarat terakhir dipenuhi
Jika tiada perjanjian bertulis	• Tarikh penyempurnaan

Contoh 11

Ahmad ialah seorang pekerja sepenuh masa di Syarikat ABC. Pada 1 November 2024, beliau telah membuat keputusan untuk menjual konsol permainannya kepada IT Computer Sdn Bhd.

Memandangkan Ahmad adalah individu yang tidak menjalankan perniagaan, IT Computer Sdn Bhd dikehendaki untuk mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk pembelian konsol permainan daripada Ahmad.

Contoh 12

Saloma, seorang guru sekolah rendah, telah mewarisi sebidang tanah kosong daripada datuk dan neneknya. Sejak itu, beliau menerima pendapatan daripada penyewaan tanah kosong tersebut kepada XYZ Enterprise. Saloma tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau sokongan bagi tanah yang disewakan kepada XYZ Enterprise.

Memandangkan Saloma adalah individu yang tidak menjalankan perniagaan, XYZ Enterprise dikehendaki untuk mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada Saloma.

Contoh 13

Farhan ialah seorang pekerja di Perniagaan Nusa Kasih yang secara umumnya bertanggungjawab untuk mengatur mesyuarat dengan pelanggan.

Pada 29 Mei 2025, Farhan telah membeli beberapa kek cawan daripada Mak Cik Rosa yang mengusahakan gerai kecil di tepi jalan berhampiran dengan Perniagaan Nusa Kasih, sebagai hidangan minum petang untuk mesyuarat dengan pelanggan. Mak Cik Rosa telah memberikan resit tulisan tangan kepada Farhan kerana beliau masih belum diwajibkan untuk mengeluarkan e-Invois.

Perniagaan Nusa kasih tidak dikehendaki dan tidak dibenarkan untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk perbelanjaan tersebut dan boleh terus menggunakan resit tulisan tangan yang diberikan oleh Mak Cik Rosa sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian.

Selepas pelaksanaan penuh e-Invois, Mak Cik Rosa dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois bagi semua jualannya (sama ada e-Invois bagi setiap transaksi atau e-Invois yang disatukan) dan mengemukakannya kepada LHDNM untuk pengesahan.

Contoh 14

Best Mesra Sdn Bhd telah menyewa ruang pejabat baharu yang dimiliki oleh tiga (3) individu iaitu Kamal, Cheng dan Sunita.

Berdasarkan perbincangan antara Best Mesra Sdn Bhd dengan tuan tanah, Best Mesra Sdn Bhd difahamkan bahawa tuan tanah tersebut adalah individu yang tidak menjalankan perniagaan.

Oleh itu, Best Mesra Sdn Bhd dikehendaki untuk mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri secara berasingan kepada setiap individu pemilik harta tanah tersebut berdasarkan bahagian yang dipersetujui oleh mereka.

Contoh 15

Adi telah mendapatkan pinjaman gadai janji daripada Bank Primaras, di mana beliau dikenakan kadar faedah tahunan tetap sebanyak 3.75%. Adi akan membuat bayaran ansuran kepada Bank Primaras secara bulanan. Ansuran ini mengandungi dua komponen: faedah dan prinsipal.

Memandangkan Adi merupakan individu yang membuat bayaran faedah atas pinjaman kepada bank, Bank Primaras dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois kepada Adi bagi ansuran berkaitan pinjaman gadai janji, selaras dengan pengecualian yang dinyatakan di bawah Seksyen 8.3(g)(i) Garis Panduan Spesifik e-Invois.

Bank Primaras dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois dalam format XML / JSON bagi tujuan pengesahan LHDNM. Selepas itu, Bank Primaras boleh menjana paparan visual bagi e-Invois yang telah disahkan (dalam bentuk penyata / bil) untuk tujuan perkongsian e-Invois kepada Adi.

Contoh 16

Cee Sdn Bhd telah memperoleh pinjaman sebanyak RM10 juta bagi tujuan perniagaan daripada syarikat induknya, Beeny Sdn Bhd. Beeny Sdn Bhd mengenakan faedah pada kadar yang wajar kepada Cee Sdn Bhd. Beeny Sdn Bhd bukan merupakan entiti yang menyediakan perkhidmatan perbendaharaan berpusat kepada kumpulan syarikatnya.

Selaras dengan Seksyen 8.3(g) Garis Panduan Spesifik e-Invois, memandangkan Beeny Sdn Bhd bukan entiti yang menyediakan perkhidmatan perbendaharaan berpusat kepada kumpulan syarikatnya, Cee Sdn Bhd dikehendaki mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk faedah yang dibayar kepada Beeny Sdn Bhd.

Contoh 17

Fakta yang sama seperti dalam Contoh 16, kecuali kini Cee Sdn Bhd telah memperoleh pinjaman daripada Yee Sdn Bhd, sebuah syarikat berkaitan yang menawarkan perkhidmatan perbendaharaan berpusat kepada kumpulan syarikat Beeny.

Memandangkan Yee Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat Malaysia yang menyediakan perkhidmatan perbendaharaan berpusat kepada kumpulan syarikatnya, Yee Sdn Bhd dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada Cee Sdn Bhd untuk faedah yang dikenakan ke atas pinjaman tersebut, selaras dengan pengecualian yang dinyatakan di bawah Seksyen 8.3(g)(iv) dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Contoh 18

Kayan Jaya Sdn Bhd, sebuah syarikat pembuatan kayu, menyediakan tempoh kredit selama 30 hari kepada pelanggannya. Sekiranya pelanggan gagal membuat pembayaran dalam tempoh kredit ini, caj pembayaran lewat sebanyak tiga peratus (3%) akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak.

Memandangkan Kayan Jaya Sdn Bhd mengenakan caj pembayaran lewat kepada pelanggannya bagi pembayaran yang diterima selepas tempoh kredit 30 hari, Kayan Jaya Sdn Bhd dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada pembeli untuk faedah pembayaran lewat yang dikenakan, selaras dengan pengecualian yang dinyatakan di bawah Seksyen 8.3(g)(v) dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Contoh 19

Kelip Karat Berhad, sebuah kedai serbaneka, menyediakan pinjaman berfaedah rendah kepada pekerjaanya sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja syarikat. Kadar faedah tahunan sebanyak tiga peratus (3%) dikenakan ke atas baki pinjaman tertunggak.

Memandangkan transaksi ini melibatkan pembayaran faedah daripada pekerja bagi pinjaman staf yang disediakan oleh Kelip Karat Berhad, Kelip Karat Berhad dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk faedah yang diterima, selaras dengan pengecualian yang dinyatakan di bawah Seksyen 8.3(g)(ii) dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Contoh 20

Mark berkhidmat sebagai pentadbir harta pusaka untuk John, yang merupakan seorang pemberi pinjaman wang. Selepas kematian John, Mark telah menguruskan harta pusaka John serta perniagaan pinjaman wangnya. Syarikat Deepak, salah seorang pelanggan John, akan membuat pembayaran ansuran bulanan kepada Mark, yang merangkumi faedah dan prinsipal.

Memandangkan Mark hanyalah seorang pentadbir harta pusaka, Syarikat Deepak dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk faedah yang dibayar kepada Mark, selaras dengan Seksyen 8.3(g) dalam Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

- 8.4 Apabila Pembeli dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri, Pembeli akan mengambil alih peranan Penjual untuk menjadi pengeluar e-invois dan mengemukakankannya kepada LHDNM untuk pengesahan. Selepas pengesahan, Pembeli boleh menggunakan e-Invois yang disahkan sebagai bukti perbelanjaan untuk tujuan percukaian. Oleh itu, pihak yang lain tidak perlu mengeluarkan e-Invois sekiranya e-Invois bil sendiri telah dikeluarkan bagi transaksi tertentu.
- 8.5 Memandangkan Pembeli dikehendaki mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri, Pembeli bertanggungjawab untuk berkongsi e-Invois bil sendiri yang telah disahkan tersebut dengan Penjual selepas pengesahan.

Jika Pembeli mengemukakan e-Invois bil sendiri untuk pengesahan LHDNM melalui Portal MyInvois, paparan visual e-Invois bil sendiri yang dijana daripada Portal MyInvois akan mengandungi kod QR yang boleh digunakan untuk mengesahkan kewujudan dan status e-Invois melalui Portal MyInvois.

Apabila Pembeli mengemukakan e-Invois bil sendiri untuk pengesahan LHDNM melalui penghantaran API, Pembeli dikehendaki memastikan paparan visual e-Invois bil sendiri yang dikongsikan kepada Penjual mengandungi kod QR yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, LHDNM mengakui bahawa mungkin terdapat cabaran praktikal untuk berkongsi e-Invois bil sendiri yang disahkan kepada Penjual. Oleh itu, LHDNM menyediakan konsesi yang membenarkan Pembeli untuk berkongsi sama ada e-Invois bil sendiri yang disahkan atau paparan visual e-Invois bil sendiri yang disahkan kepada Penjual sehingga pemakluman lanjut.

8.6 Untuk tujuan e-Invois bil sendiri, pihak-pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Transaksi	Penjual	Pembeli (mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri)
1	Pembayaran kepada ejen, pengedar, pengagih dan sebagainya	Ejen, pengedar, pengagih dan sebagainya	Pembayar cukai yang membuat bayaran
2	Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual Asing	Penjual Asing	Pembeli Malaysia
3	Agihan keuntungan (contohnya, agihan dividen)	Penerima agihan	Pembayar cukai yang membuat agihan
4	e-Dagang	Pedagang, pembekal perkhidmatan (contohnya, pemandu <i>e-hailing</i> , penunggang <i>p-hailing</i>)	Platform e-Dagang / perantara
5	Pembayaran kepada semua pemenang pertaruhan (<i>betting</i>) dan perjudian (<i>gaming</i>)	Penerima pembayaran	Penyedia pertaruhan dan perjudian berlesen

Bil.	Transaksi	Penjual	Pembeli (mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri)
6	Transaksi dengan pembayar cukai individu yang tidak menjalankan perniagaan	Pembayar cukai individu yang tidak menjalankan perniagaan	Orang yang membuat transaksi dengan pembayar cukai individu yang tidak menjalankan perniagaan
7	Bayaran faedah	Penerima bayaran faedah	Pembayar cukai yang membuat bayaran faedah
8	Tuntutan, pampasan, atau bayaran faedah dari perniagaan insurans yang merupakan penanggung insurans	Pemegang polisi / Benefisiari	Penanggung Insurans
9	Pembayaran berkaitan dengan pengurangan modal, penebusan saham / modal / unit, pembelian balik saham, pemulangan modal atau hasil pembubaran.	Pelabur	Penerima pelaburan

Jadual 8.1 - Pihak yang terlibat dengan e-Invois bil sendiri

- 8.7 Bagi memudahkan proses pengeluaran e-Invois yang efisien serta meringankan beban Penjual individu dalam memberikan maklumat TIN dan nombor pengenalan, LHDNM menyediakan konsesi kepada Penjual individu. Sila rujuk Seksyen 3.5.4 Garis Panduan Spesifik ini untuk maklumat lanjut.
- 8.8 Sekiranya Penjual individu memberikan sama ada TIN atau nombor pengenalan MyKad / MyTentera (bukan kedua-duanya), Pembeli harus memasukkan butiran berikut untuk tujuan e-Invois bil sendiri.

Bil.	Pilihan	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri
1	Pilihan 1 (untuk individu warganegara dan bukan warganegara Malaysia), di mana Penjual individu hanya memberikan TIN	TIN Penjual	Pembeli memasukkan TIN yang diberikan oleh Penjual individu
		Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Pembeli memasukkan "000000000000" dalam e-Invois
2	Pilihan 2 (untuk individu warganegara Malaysia), di mana Penjual	TIN Penjual	Pembeli memasukkan "EI00000000010" dalam e-Invois

Bil.	Pilihan	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri
	individu hanya memberikan nombor pengenalan MyKad / MyTentera	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Pembeli memasukkan nombor pengenalan MyKad / MyTentera yang diberikan oleh Penjual individu

Jadual 8.2 - Butiran TIN dan nombor pengenalan / nombor pasport perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penjual individu

- 8.9 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois bil sendiri adalah berdasarkan medan data yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu Pembeli dalam mengeluarkan e-Invois bil sendiri:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
1	Nama Penjual	Nama Penjual	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di passport / MyPR / MyKAS
2	TIN Penjual	TIN Penjual	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Pembeli memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Penjual. <u>Untuk perniagaan asing</u> Pembeli memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Penjual asing (jika ada). Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Pembeli memasukkan “EI00000000030” untuk Penjual asing. Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, Pembeli memasukkan “NA”

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Pembeli boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
4	Alamat Penjual	Alamat Penjual	Pembeli memasukkan alamat perniagaan (untuk perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Penjual
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor Telefon Penjual	Pembeli memasukkan nombor telefon Penjual
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Pembeli memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Penjual (jika berkenaan) Pembeli memasukkan " NA " sekiranya Penjual tidak didaftar untuk CJP
7	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (kod MSIC) Penjual	Kod MSIC Penjual (jika berkenaan)	Pembeli memasukkan Kod MSIC Penjual (jika berkenaan) Pembeli memasukkan " 00000 " sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
8	Butiran Aktiviti Perniagaan Penjual	Keterangan aktiviti perniagaan Penjual	Pembeli memasukkan keterangan aktiviti perniagaan Penjual (jika berkenaan) Pembeli memasukkan " NA " sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan


Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
9	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Penjual memasukkan angka 3-digit (contohnya, "000" hingga "999"), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM
10	Kod / Nombor e-Invois	Nombor rujukan dokumen yang digunakan oleh Penjual untuk tujuan pengesanan dalaman	Nombor rujukan invois / bil / resit yang dikeluarkan oleh Penjual (jika berkenaan)

Jadual 8.3 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri

9. TRANSAKSI YANG MELIBATKAN PEMBAYARAN (SAMA ADA DALAM BENTUK KEWANGAN ATAU SEBALIKNYA) KEPADA EJEN, PENGEDAR ATAU PENGAGIH

9.1 Ejen, pengedar atau pengagih kebiasaannya dilihat dalam rantai bekalan perniagaan. Ejen, pengedar atau pengagih (iaitu, pihak ketiga / perantara) akan menerima komisen daripada penjualan produk atau penyediaan perkhidmatan kepada pengguna.

9.2 Rajah 9.1 menunjukkan gambaran umum pembayaran kepada ejen, pengedar atau pengagih.



Rajah 9.1 - Gambaran umum perniagaan yang melibatkan ejen, pengedar atau pengagih

9.3 Pengeluaran e-Invois daripada Penjual kepada Pembeli

9.3.1 Apabila Pembeli membeli barangan atau perkhidmatan daripada Penjual melalui ejen / pengedar / pengagih, Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli untuk merekodkan transaksi.

9.3.2 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois, peranan kedua-dua belah pihak adalah seperti berikut:

- (a) Penjual: Penjual
- (b) Pembeli: Pembeli

9.3.3 Jika Pembeli tidak meminta e-Invois dikeluarkan, Penjual akan mengeluarkan resit biasa kepada Pembeli. Selepas itu, Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois yang disatukan dengan menyatukan semua resit yang dikeluarkan untuk bulan sebelumnya, sebagai bukti pendapatan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas akhir bulan.

9.3.4 Proses pengeluaran e-Invois kepada Pembeli adalah sama seperti pengeluaran e-Invois di bawah Seksyen 3.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois (untuk Pembeli yang memerlukan e-Invois) dan Seksyen 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois (untuk Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois).

9.4 **Pengeluaran e-Invois bil sendiri daripada Penjual kepada Ejen/ Pengedar / Pengagih**

9.4.1 Selepas membuat jualan atau transaksi, ejen / pengedar / pengagih layak menerima bayaran atau sebarang insentif lain (sama ada dalam bentuk kewangan atau sebaliknya) daripada Penjual (contohnya, komisen). Penjual dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi bayaran atau sebarang insentif lain (sama ada dalam bentuk kewangan atau sebaliknya) yang dibuat kepada ejen / pengedar / pengagih, menurut Seksyen 83A Akta Cukai Pendapatan 1967.

9.4.2 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois bil sendiri, peranan kedua-dua belah pihak adalah seperti berikut:

- (a) Penjual: Ejen / pengedar / pengagih
- (b) Pembeli: Penjual (mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi pembuktian perbelanjaan)

- 9.4.3 Proses pengeluaran e-Invois bil sendiri adalah serupa dengan aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 dan Seksyen 2.4 Garis Panduan e-Invois.
- 9.4.4 Bagi memudahkan proses pengeluaran e-Invois yang efisien dan meringankan beban Penjual individu dalam memberikan maklumat TIN dan nombor pengenalan, LHDNM menyediakan konsesi kepada Penjual individu. Sila rujuk Seksyen 3.5.4 dan Seksyen 8.8 Garis Panduan Spesifik ini untuk maklumat lanjut.
- 9.4.5 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois bil sendiri adalah berdasarkan medan data yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu Penjual dalam mengeluarkan e-Invois bil sendiri:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
1	Nama Penjual	Nama Ejen / Pengedar / Pengagih	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di passport / MyPR / MyKAS

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
2	TIN Penjual	TIN Ejen / Pengedar / Pengagih	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Penjual memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Ejen / Pengedar / Pengagih. Ambil perhatian bahawa kemasukan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan adalah mandatori bagi Ejen / Pengedar / Pengagih di Malaysia
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk perniagaan asing</u> Penjual memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Ejen / Pengedar / Pengagih (jika ada) Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual memasukkan “EI00000000030” untuk Ejen / Pengedar / Pengagih asing Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual memasukkan “NA”

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
			<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
4	Alamat Penjual	Alamat Ejen / Pengedar / Pengagih	Penjual memasukkan alamat perniagaan (untuk perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Ejen / Pengedar / Pengagih
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor Telefon Ejen / Pengedar / Pengagih	Penjual memasukkan nombor telefon Ejen / Pengedar / Pengagih
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Ejen / Pengedar / Pengagih	Penjual memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Ejen / Pengedar / Pengagih (jika berkenaan) Penjual memasukkan "NA" sekiranya maklumat tersebut tidak berkenaan, tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Kod Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (kod MSIC) Penjual	Kod MSIC Ejen / Pengedar / Pengagih	Penjual memasukkan kod MSIC Ejen / Pengedar / Pengagih (jika berkenaan) Penjual memasukkan "00000" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
8	Butiran Aktiviti Perniagaan Penjual	Keterangan aktiviti perniagaan Ejen / Pengedar / Pengagih	Penjual memasukkan keterangan aktiviti perniagaan Ejen / Pengedar / Pengagih (jika berkenaan) Penjual memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
9	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Penjual memasukkan angka bulat 3-digit (contohnya, “000” hingga “999”), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM
10	Kod / Nombor e-Invois	Nombor rujukan dokumen yang digunakan oleh Penjual untuk tujuan pengesanan dalaman	Nombor rujukan resit yang dikeluarkan oleh Penjual

Jadual 9.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual (iaitu Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada ejen, pengedar atau pengagih

Contoh 21

Ali bekerja sebagai ejen jualan bagi Chère Automotive Sdn Bhd (CASB). Pada 22 Jun 2025, Ali menjual sebuah kereta (model Schnell) pada harga RM600,000 dan memperoleh komisen 20% daripada jualan tersebut.

CASB mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada Ali dan merekodkan komisen 20% yang diperoleh oleh Ali sebagai bukti pendapatan dan bukti perbelanjaan untuk CASB. Berikut adalah contoh e-Invois bil sendiri yang dikeluarkan oleh CASB kepada Ali:

BAGI TUJUAN ILLUSTRASI SAHAJA

Chère Automotive Sdn Bhd
 No 10, Jln 2/3, 40150 Selangor, Malaysia
 0343218756 (Pejabat) / 601123567899 (HP)
 chere@automotive.com

TIN Penjual: IG531456789120
 Nama Penjual: Ali bin Ahmad
 Nombor Pendaftaran Penjual: 800804020000
 ID CJP Penjual: NA
 Alamat Perniagaan Penjual: Lot 9, Jalan 8, Taman Ria, 50480, Kuala Lumpur
 No. Telefon Penjual (Pejabat): 601297538642
 E-mel Penjual: ali.ahmad@gmail.com
 Kod MSIC Penjual: 00000
 Butiran aktiviti perniagaan Penjual: NA

TIN Pembeli: C918273645120
 Nombor Pendaftaran Perniagaan Pembeli: 984220101523
 ID CJP Pembeli: C10-5643-8700200

E-INVOIS
 Jenis e-Invois: 11 – Invois bil sendiri
 Versi e-Invois: 1.0
 Kod dokumen: INV00005
 No. ID Unik: 123456789-2015-7651234
 No. Rujukan Invois Asal: 1234-567
 Tarikh dan Masa ilnvois: 22/06/2025 15:30:32

Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
037	Komisen ejen bagi Schnell Car – 20% daripada RM600,000	1	RM120,000.00	RM120,000.00	-	-	RM120,000.00
	Jumlah			RM120,000.00	-	-	RM120,000.00
	Jumlah tidak termasuk cukai						RM120,000.00
	Jumlah cukai						-
	Jumlah termasuk cukai						RM120,000.00
	Jumlah amaun perlu dibayar						RM120,000.00

Tandatangan Digital:
 6e89e02cce9b8db22ac0deec3b7c5gyba983f6dc50531c7a919f28d5fb369evt4
 Tarikh dan Masa Pengesahan: 22/06/2025 15:30:34
 Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois




Rajah 9.2 - Paparan visual pengeluaran e-Invois bil sendiri oleh perniagaan kepada ejennya

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk kepada perubahan.

10. TRANSAKSI RENTAS SEMPADAN

- 10.1 Transaksi rentas sempadan melibatkan transaksi antara pembeli Malaysia dengan penjual asing dan sebaliknya.
- 10.2 Penjual asing merujuk kepada mana-mana penjual yang beroperasi di luar Malaysia / tidak ditubuhkan di Malaysia, termasuk individu bukan warganegara Malaysia. Manakala, pembeli asing merujuk kepada mana-mana orang asing yang membuat pembelian barangan dan / atau perkhidmatan dari Malaysia.
- 10.3 Transaksi rentas sempadan terdiri daripada urus niaga berikut:
- (a) Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual Asing (Penjual) kepada Pembeli Malaysia (Pembeli); dan
 - (b) Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual Malaysia (Penjual) kepada Pembeli Asing (Pembeli).
- 10.4 **Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual Asing kepada Pembeli di Malaysia**



Rajah 10.1 - Aliran transaksi semasa antara Penjual Asing (Penjual) dengan Pembeli di Malaysia (Pembeli)

- 10.4.1 Pada ketika ini, Penjual Asing akan mengeluarkan invois / bil / resit kepada Pembeli Malaysia untuk merekodkan transaksi seperti penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan.
- 10.4.2 Invois / bil / resit akan dikeluarkan mengikut keperluan invois tempatan Penjual Asing sebagai sebahagian daripada amalan perniagaan mereka.
- 10.4.3 Memandangkan Penjual Asing tidak diwajibkan melaksanakan e-Invois Malaysia, Pembeli Malaysia dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi mendokumenkan perbelanjaan tersebut. e-Invois bil sendiri diperlukan untuk menyokong transaksi tersebut bagi tujuan percukaian.
- 10.4.4 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois bil sendiri, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
- (a) Penjual: Penjual Asing
 - (b) Pembeli: Pembeli Malaysia (mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri sebagai bukti perbelanjaan)
- 10.4.5 Langkah-langkah yang terlibat dalam pengeluaran e-Invois bil sendiri oleh Pembeli Malaysia adalah seperti berikut:
- Langkah 1:** Apabila sesuatu jualan atau transaksi berlaku, Penjual Asing akan mengeluarkan invois / resit / bil kepada Pembeli Malaysia untuk merekodkan pendapatan yang dijana dari penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan.
- Langkah 2:** Pembeli Malaysia dikehendaki mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk mendokumentasikan perbelanjaan bagi tujuan percukaian, selaras dengan masa pengeluaran yang dinyatakan dalam Seksyen

10.4.8 dan 10.4.9 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Semasa mengeluarkan e-Invois bil sendiri, Pembeli Malaysia akan melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Pembeli Malaysia boleh memasukkan butiran Penjual Asing berdasarkan maklumat yang terdapat dalam invois / resit / bil yang dikeluarkan oleh Penjual Asing atau meminta butiran yang relevan daripada Penjual Asing.

Dalam keadaan di mana butiran tertentu yang diperlukan tidak tersedia atas sebab berikut:

- i. Butiran tersebut tidak terpakai kepada Penjual Asing; atau
- ii. Butiran tersebut tidak diberikan oleh Penjual Asing;

Pembeli Malaysia boleh memasukkan "**NA**" dalam e-Invois bil sendiri tersebut.

Langkah 3: Proses pengeluaran e-Invois bil sendiri oleh Pembeli Malaysia hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.

Sebaik sahaja e-Invois bil sendiri disahkan, LHDNM akan menghantar notifikasi kepada Pembeli Malaysia sahaja (iaitu, tiada notifikasi akan dihantar kepada Penjual Asing).

- 10.4.6 e-Invois bil sendiri yang telah disahkan akan berfungsi sebagai bukti perbelanjaan bagi Pembeli Malaysia. Pembeli Malaysia tidak diwajibkan untuk berkongsi e-Invois bil sendiri tersebut dengan Penjual Asing.
- 10.4.7 Sila ambil perhatian bahawa bagi tujuan e-Invois bil sendiri, jika cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport adalah terpakai mengikut undang-undang CJP yang berkaitan, pembayar cukai dikehendaki memasukkan amaun cukai perkhidmatan tersebut dalam e-Invois bil sendiri berkenaan.
- 10.4.8 Berkaitan dengan pengimportan barangan, pembeli Malaysia hendaklah mengeluarkan e-Invois bil sendiri selewat-lewatnya pada akhir bulan kedua selepas bulan pelepasan kastam diperoleh.
- 10.4.9 Sementara itu, berkaitan dengan pengimportan perkhidmatan, e-Invois bil sendiri hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada akhir bulan berikutnya selepas (1) pembayaran dibuat oleh pembeli Malaysia; atau (2) penerimaan invois daripada pembekal asing, yang mana lebih awal. Penentuan (1) dan (2) tersebut adalah mengikut peraturan semasa yang terpakai bagi perkhidmatan bercukai yang diimport.
- 10.4.10 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois bil sendiri adalah berdasarkan medan data yang diperlukan seperti mana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut akan membantu Pembeli Malaysia dalam pengeluaran e-Invois bil sendiri:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli Malaysia dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
1	Nama Penjual	Nama Penjual Asing	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk Individu Bukan Warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Penjual	TIN Penjual Asing	Pembeli Malaysia memasukkan TIN Penjual Asing (jika ada) Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Pembeli Malaysia memasukkan “EI00000000030” untuk Penjual Asing
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	Pembeli Malaysia memasukkan nombor pendaftaran perniagaan / pasport / MyPR / MyKAS Penjual Asing Pembeli Malaysia memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
4	Alamat Penjual	Alamat Penjual Asing	Pembeli Malaysia memasukkan alamat perniagaan (untuk perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Penjual Asing
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor telefon Penjual Asing	Pembeli Malaysia memasukkan nombor telefon Penjual Asing

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli Malaysia dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Penjual Asing	Pembeli Malaysia memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Penjual Asing (jika berkenaan) Pembeli Malaysia memasukkan "NA" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (kod MSIC) Penjual	Kod MSIC Penjual Asing	Pembeli memasukkan Kod MSIC Penjual Asing (jika berkenaan) Pembeli memasukkan "00000" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
8	Butiran Aktiviti Perniagaan Penjual	Keterangan aktiviti perniagaan Penjual Asing	Pembeli memasukkan keterangan aktiviti perniagaan Penjual Asing (jika berkenaan) Pembeli memasukkan "NA" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
9	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Pembeli Malaysia memasukkan angka 3-digit (contohnya, "000" hingga "999"), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

Jadual 10. 1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Pembeli Malaysia (Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penjual Asing (Penjual)

Contoh 22

Food Eatery Sdn Bhd (Pembeli) telah memeterai perjanjian dengan ABC Advisory Ltd (Penjual), iaitu penyedia khidmat nasihat perundangan yang berpangkalan di United Kingdom. ABC Advisory Ltd telah mengeluarkan invois berjumlah RM200,000 bagi khidmat nasihat perundangan profesional yang diberikan kepada Food Eatery Sdn Bhd. Nasihat perundangan tersebut berkaitan dengan perkara-perkara di Malaysia. Oleh yang demikian, perkhidmatan bercukai yang diimport adalah terpakai ke atas penyediaan perkhidmatan tersebut. Food Eatery Sdn Bhd telah membuat pembayaran untuk perkhidmatan itu pada 31 Julai 2025.

Bagi menyokong perbelanjaan untuk tujuan percukaian, Food Eatery Sdn Bhd dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Semasa melengkapkan e-Invois bil sendiri, Food Eatery Sdn Bhd hendaklah memasukkan semua medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois, termasuklah butiran Penjual seperti yang dinyatakan dalam invois, serta pengecualian bagi TIN Penjual (iaitu, Pembeli memasukkan TIN umum Penjual seperti yang dinyatakan dalam Jadual 10.1).

Rajah 10.2 menunjukkan contoh e-Invois bil sendiri yang dikeluarkan oleh Food Eatery Sdn Bhd:

BAGI TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Food Eatery Sdn Bhd
1, Tingkat 2, Jln Jaya, 40150 Selangor, Malaysia
0312345678 (Office) / 6012334567890 (Mobile)
Food.eatery@gmail.com

E-INVOIS
Kod dokumen: INV00008
No. ID Unik: 123456789-2023-7654231
No. Rujukan Asal Invois: 1234-567
Tarikh dan Masa Invois: 01/08/2025 13:14:52

TIN Penjual : EI00000000030
Nama Penjual : ABC Advisory Ltd
Nombor Pendaftaran Penjual : NA
ID CJP Penjual : NA
Alamat Perniagaan Penjual : 1, Street Avenue, N0P 123, England
No. Telefon Penjual (Pejabat): 441234567890.
E-mel Penjual : ABC.advisory@gmail.com
Kod MSIC Penjual : NA

TIN Pembeli : C987654321120
Nombor Pendaftaran Perniagaan Pembeli : 29802101000023
ID CJP Pembeli : L10-5621-78000000

Kaedah pembayaran
Kod mata wang invois

Pindahan wang melalui bank
MYR

Klasifikasi	Keterangan	Kuantiti	Harga Unit	Jumlah	Diskaun	Jumlah Cukai	Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan (termasuk cukai)
032	Peruntukan bagi khidmat nasihat perundangan	1	RM200,000.00	RM200,000.00	-	RM12,000.00	RM212,000.00
	Jumlah			RM200,000.00	-	RM12,000.00	RM212,000.00
	Jumlah tidak termasuk cukai						RM200,000.00
	Jumlah cukai						RM 12,000.00
	Jumlah termasuk cukai						RM212,000.00

Jumlah Harga Produk / Perkhidmatan	Jenis cukai	Kadar cukai	Jumlah cukai
RM200,000.00	Cukai perkhidmatan	6.00%	RM12,000.00


Tandatangan Digital:
7e83e05cce9b5db17ac0deec3b7c5gyba983f6dc50531c7a919f28d5fb369evt4
Tarikh dan Masa Pengesahan: 01/08/2025 13:14:53
Dokumen ini merupakan paparan visual e-Invois



Rajah 10.2 - Contoh e-Invois bil sendiri yang disahkan untuk transaksi dengan Penjual Asing dalam format PDF

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tertakluk kepada perubahan.

10.5 Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penjual di Malaysia kepada Pembeli Asing



Rajah 10.3 - Aliran transaksi semasa antara Penjual di Malaysia (Penjual) dengan Pembeli Asing (Pembeli)

- 10.5.1 Pada ketika ini, Penjual di Malaysia akan mengeluarkan invois / bil / resit kepada Pembeli Asing bagi merekodkan transaksi seperti penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan.
- 10.5.2 Selepas pelaksanaan e-Invois, Penjual di Malaysia dikehendaki mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli Asing bagi merekodkan pendapatan tersebut.
- 10.5.3 Langkah-langkah yang terlibat untuk pengeluaran e-Invois oleh Penjual di Malaysia adalah seperti berikut:

Langkah 1: Apabila sesuatu jualan atau transaksi telah dilakukan, Penjual di Malaysia akan mengeluarkan e-Invois kepada Pembeli Asing untuk merekodkan transaksi tersebut, contohnya, penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan.

Bagi tujuan pengeluaran e-Invois, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut :

- i. Penjual: Penjual di Malaysia
- ii. Pembeli: Pembeli Asing

Langkah 2: Penjual di Malaysia dikehendaki untuk melengkapi medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Sekiranya terdapat butiran tertentu yang tidak tersedia disebabkan oleh salah satu keadaan berikut:

- i. Butiran tersebut tidak terpakai kepada Pembeli Asing; atau
- ii. Butiran tersebut tidak diberikan oleh Pembeli Asing

Penjual di Malaysia boleh memasukkan "**NA**" dalam e-Invois berkenaan.

Langkah 3: Proses pengeluaran e-Invois oleh Penjual di Malaysia hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois, dengan pengecualian berikut:

- i. Sebaik sahaja e-Invois telah disahkan, LHDNM akan menghantar notifikasi kepada Penjual di Malaysia sahaja (iaitu, tiada notifikasi yang akan dihantar kepada Pembeli Asing kerana mereka tidak menggunakan Sistem MyInvois).
- ii. e-Invois yang disahkan akan berfungsi sebagai bukti pendapatan bagi Penjual di Malaysia. Penjual di Malaysia akan mengemukakan salinan e-Invois yang disahkan kepada Pembeli Asing mengikut amalan biasa perniagaan untuk tujuan rekod.
- iii. Oleh kerana Pembeli Asing bukan sebahagian dari Sistem MyInvois, tiada permohonan penolakan akan diterima daripada Pembeli Asing. Sekiranya terdapat kesilapan pada e-Invois yang telah disahkan, sebarang pelarasan hendaklah dibuat dengan mengeluarkan nota kredit / nota debit / nota bayaran balik e-Invois oleh Penjual di Malaysia.

10.5.4 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois adalah mengikut medan data yang ditetapkan seperti mana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu Penjual di Malaysia dalam pengeluaran e-Invois.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual di Malaysia dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli Asing	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di passport / MyPR / MyKAS
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli Asing	Penjual di Malaysia memasukkan TIN Pembeli Asing (jika ada) Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual di Malaysia memasukkan "EI00000000020" untuk Pembeli Asing
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / passport	Penjual di Malaysia memasukkan nombor pendaftaran perniagaan / passport / MyPR / MyKAS Pembeli Asing (jika ada) Penjual di Malaysia memasukkan "NA" sekiranya

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual di Malaysia dalam e-Invois	Maklumat tambahan
			maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli Asing	Penjual di Malaysia memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pembeli Asing
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli Asing	Penjual di Malaysia memasukkan nombor telefon Pembeli Asing
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli Asing	Penjual di Malaysia memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pembeli Asing (jika berkenaan) Penjual di Malaysia memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan

Jadual 10.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual di Malaysia (Penjual) untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli Asing (Pembeli)

11. AGIHAN KEUNTUNGAN (CONTOHNYA, AGIHAN DIVIDEN)

11.1 Agihan Domestik

- 11.1.1 Pada ketika ini, syarikat yang mengagihkan keuntungan kepada pemegang saham akan mengeluarkan baucar dividen atau waran dividen kepada pemegang sahamnya. Pembayar cukai bagi entiti yang lain (contohnya, amanah, unit amanah dan lain-lain) turut mengamalkan amalan yang sama.
- 11.1.2 Selepas pelaksanaan e-Invois di Malaysia, pembayar cukai tidak layak memotong cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan pembayar cukai yang tersenarai di Bursa Malaysia akan dikecualikan daripada mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi pengagihan dividen. Sehubungan itu, pemegang saham mereka tidak perlu mengeluarkan e-Invois untuk tujuan pembuktian pendapatan. Pengecualian ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa.
- 11.1.3 Dalam erti kata lain, pembayar cukai yang menikmati pengecualian di bawah Seksyen 11.1.2 boleh meneruskan proses sedia ada berhubung dengan pengagihan keuntungan (contohnya, pengeluaran baucar dividen atau waran).
- 11.1.4 Walau bagaimanapun, pembayar cukai selain daripada yang dinyatakan dalam seksyen 11.1.2 dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk mendokumentasikan perbelanjaan. e-Invois bil sendiri juga akan berfungsi sebagai bukti pendapatan bagi Penjual (iaitu, penerima agihan keuntungan).
- 11.1.5 Untuk tujuan pengeluaran e-Invois bil sendiri, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
 - (a) Penjual: Penerima agihan
 - (b) Pembeli: Pembayar cukai yang membuat agihan

11.1.6 Sekiranya e-Invois bil sendiri perlu dikeluarkan, langkah-langkah yang terlibat adalah seperti berikut:

Langkah 1: Apabila keuntungan (contohnya, dividen) dibayar atau dikreditkan, pembayar cukai yang membuat pengagihan akan mengeluarkan baucar dividen kepada penerima agihan.

Langkah 2: Pembayar cukai yang membuat agihan dikehendaki mengambil alih peranan Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada penerima agihan.

Langkah 3: Semasa mengeluarkan e-Invois bil sendiri, pembayar cukai yang membuat agihan akan melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois.

Proses mengeluarkan e-Invois bil sendiri oleh pembayar cukai yang membuat agihan hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.

11.1.7 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois bil sendiri adalah berdasarkan medan data yang diperlukan seperti mana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Maklumat berikut boleh membantu pembayar cukai yang membuat agihan semasa pengeluaran e-Invois bil sendiri:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
1	Nama Penjual	Nama Penerima	Untuk perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Penjual	TIN Penerima	<u>Untuk Perniagaan di Malaysia</u> Pembayar cukai yang membuat agihan perlu memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Penerima. Mohon ambil perhatian bahawa Penjual di Malaysia adalah wajib untuk memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
			<u>Untuk Perniagaan Asing</u> Pembayar cukai yang membuat agihan perlu memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Penerima (jika ada). Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan “E100000000030” untuk Penerima Asing. Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, Penjual boleh memasukkan “NA” bagi Penerima Asing.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport Penerima	<u>Untuk Individu Warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk Individu Bukan Warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
			Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.
4	Alamat Penjual	Alamat Penerima	Pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Penerima

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor telefon Penerima	Pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan nombor telefon Penerima
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Penerima	Pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Penerima (jika berkenaan) Pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Pembayar cukai yang membuat agihan memasukkan angka bulat 3-digit (contohnya, “000” hingga “999”), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
8	Kod / Nombor e-Invois	Nombor rujukan dokumen yang digunakan oleh pembayar cukai yang membuat agihan untuk tujuan pengesanan dalaman	Nombor rujukan baucar dividen yang dikeluarkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan

Jadual 11.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh pembayar cukai yang membuat agihan (Pembeli) untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri kepada Penerima (Penjual)

11.2 Keuntungan / Dividen Asing

11.2.1 Bagi sebarang keuntungan / dividen asing yang diterima di Malaysia, penerima dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk mendokumenkan bukti pendapatan bagi tujuan percukaian.

11.2.2 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:

(a) Penjual: Penerima Keuntungan / Dividen

(b) Pembeli: Pengagih Asing

- 11.2.3 Proses pengeluaran e-Invois oleh penerima keuntungan / dividen hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.
- 11.2.4 Sila rujuk Seksyen 12 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini untuk maklumat lanjut.

12. PENDAPATAN ASING

- 12.1 e-Invois diperlukan untuk semua pendapatan asing yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia sebagai bukti pendapatan untuk tujuan percukaian.
- 12.2 Untuk tujuan pengeluaran e-Invois, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
- (a) Penjual: Penerima pendapatan asing (dirujuk sebagai "Penerima Pendapatan" untuk memudahkan pemahaman dalam seksyen ini)
 - (b) Pembeli: Orang yang membuat pembayaran kepada Penerima Pendapatan (dirujuk sebagai "Pembayar" untuk memudahkan pemahaman dalam seksyen ini)
- 12.3 Proses pengeluaran e-Invois bagi pendapatan asing adalah serupa dengan proses pengeluaran e-Invois yang melibatkan Penjual di Malaysia dan Pembeli Asing seperti yang dinyatakan dalam seksyen 10.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.
- 12.4 Penerima Pendapatan hendaklah mengeluarkan e-Invois selewat-lewatnya pada akhir bulan berikutnya selepas bulan penerimaan pendapatan asing tersebut.
- 12.5 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois adalah mengikut medan data yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Maklumat berikut boleh membantu Penerima Pendapatan dalam pengeluaran e-Invois:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penerima Pendapatan dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembayar	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Pembeli	TIN Pembayar	Penerima Pendapatan memasukkan TIN Pembayar (jika ada) Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, Penerima Pendapatan memasukkan "EI00000000020" untuk Pembayar
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport Pembayar	Penerima Pendapatan memasukkan nombor pendaftaran / pasport / MyPR / MyKAS Pembayar (jika ada) Penerima Pendapatan memasukkan "NA" sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penerima Pendapatan dalam e-Invois	Maklumat tambahan
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembayar	Penerima Pendapatan memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pembayar
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor Telefon Pembayar	Penerima Pendapatan memasukkan nombor telefon Pembayar
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembayar	Penerima Pendapatan memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pembayar (jika berkenaan) Penerima Pendapatan memasukkan "NA" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan


Jadual 12.1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penerima Pendapatan untuk pengeluaran e-Invois

13. KADAR PERTUKARAN MATA WANG

- 13.1 Kadar pertukaran mata wang dalam medan data e-Invois boleh digunakan bagi transaksi yang dijalankan dalam mata wang asing [iaitu, mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM)].
- 13.2 Sekiranya perlu, kadar pertukaran mata wang hendaklah ditentukan berdasarkan ketetapan berikut:
1. Penjual hendaklah mematuhi keperluan undang-undang atau percukaian yang berkaitan kadar pertukaran mata wang seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan [contohnya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), LHDNM dan sebagainya], jika berkenaan.
 2. Jika (1) tidak terpakai (iaitu, tiada keperluan undang-undang atau percukaian berhubung kadar pertukaran mata wang yang terpakai), Penjual boleh menggunakan kadar pertukaran mata wang berdasarkan polisi dalaman mereka.
- 13.3 Pembekal dikehendaki memasukkan kadar pertukaran mata wang dalam e-Invois sekiranya e-Invois tersebut perlu ditukarkan kepada nilai setara dalam RM.
- 13.4 Bagi pengeluaran e-Invois bil sendiri untuk pengimportan barangan, pembayar cukai Malaysia boleh menggunakan kadar pertukaran mata wang berdasarkan polisi dalaman mereka.

14. TRANSAKSI E-DAGANG

- 14.1 Transaksi e-dagang merujuk kepada sebarang penjualan atau pembelian barangan atau perkhidmatan yang dijalankan melalui mana-mana rangkaian yang direka khusus untuk tujuan menerima atau membuat pesanan. Barangan atau perkhidmatan dipesan melalui rangkaian tersebut, namun pembayaran dan penghantaran barangan atau perkhidmatan tidak semestinya dilakukan secara dalam talian.
- 14.2 Transaksi e-dagang boleh berlaku antara pelbagai pihak seperti perniagaan, isi rumah, individu, kerajaan serta organisasi awam atau swasta.
- 14.3 Rajah 14.1 menunjukkan gambaran berkaitan transaksi e-dagang:



Rajah 14.1 - Gambaran umum transaksi e-dagang

14.4 Pengeluaran e-Invois daripada penyedia platform e-dagang kepada Pembeli

14.4.1 Pada ketika ini, penyedia platform e-dagang akan mengeluarkan invois / bil / resit kepada Pembeli bagi merekodkan transaksi yang dilakukan di platform e-dagang, contohnya penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan.

14.4.2 Selepas pelaksanaan e-Invois, penyedia platform e-dagang bertanggungjawab mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan:

- i. e-Invois (sekiranya Pembeli meminta e-Invois); atau
- ii. resit (jika tiada permintaan e-Invois oleh Pembeli)

kepada Pembeli untuk transaksi berkenaan. Sila ambil maklum bahawa pengeluaran e-Invois adalah bertujuan untuk mematuhi undang-undang cukai yang berkaitan [contohnya, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Petroleum (Pendapatan) 1967] sahaja dan tidak mengubah sifat transaksi atau liabiliti komersial yang berkaitan dengan transaksi tersebut.

14.4.3 Sekiranya Pembeli tidak memerlukan e-Invois, penyedia platform e-dagang dibenarkan untuk menyatukan transaksi dengan Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois (kecuali bagi aktiviti / transaksi tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.4 Garis Panduan Spesifik ini, di mana e-Invois yang disatukan tidak dibenarkan) pada setiap bulan dan mengemukakan e-Invois yang disatukan kepada LHDNM, dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar bulan berikutnya.

14.4.4 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois kepada Pembeli, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:

- i. Penjual: Penyedia platform e-dagang
- ii. Pembeli: Pembeli

14.4.5 Dalam erti kata lain, pedagang (*merchants*) dan / atau pembekal perkhidmatan tidak dikehendaki mengeluarkan e-Invois atau resit kepada Pembeli bagi barangan yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan.

14.4.6 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois hendaklah mengikut medan data yang ditetapkan seperti mana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu penyedia platform e-dagang dalam pengeluaran e-Invois:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN Pembeli dan nombor pendaftaran perniagaan <u>Untuk perniagaan asing</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN Pembeli dan nombor pendaftaran perniagaan, jika ada Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, penyedia platform e-dagang memasukkan “EI00000000020” untuk Perniagaan Asing Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, penyedia platform e-dagang memasukkan “NA”

3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport Pembeli	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penyedia platform e-dagang boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik), bersama-sama dengan nombor pasport / pengenalan MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.
---	---	---	---

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli	Penyedia platform e-dagang memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pembeli
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor Telefon Pembeli	Penyedia platform e-dagang memasukkan nombor telefon Pembeli
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Penyedia platform e-dagang memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pembeli (jika berkenaan) Penyedia platform e-dagang memasukkan "NA" sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan angka bulat 3-digit (contohnya, "000" hingga "999"), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

Jadual 14. 1 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois kepada Pembeli

14.4.7 Berhubung dengan e-Invois yang disatukan, penyedia platform e-dagang dikehendaki melengkapkan medan yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois, serta melengkapkan butiran Pembeli dan maklumat transaksi tertentu berdasarkan Jadual 3.3 Garis Panduan Spesifik.

14.4.8 Proses pengeluaran e-Invois kepada Pembeli adalah sama seperti proses pengeluaran e-Invois yang dinyatakan dalam Seksyen 3.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois (bagi Pembeli yang memerlukan e-Invois) dan Seksyen 3.6 Garis Panduan Spesifik e-Invois (bagi Pembeli yang tidak memerlukan e-Invois).

14.5 Pengeluaran e-Invois bil sendiri oleh penyedia platform e-dagang kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan

14.5.1 Selepas sesuatu jualan atau transaksi dilakukan di platform e-dagang, Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan layak menerima bayaran daripada penyedia platform e-dagang berhubung dengan barangan yang dijual dan / atau perkhidmatan yang diberikan.

14.5.2 Selepas pelaksanaan e-Invois, penyedia platform e-dagang dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan bagi semua transaksi yang dilakukan melalui platform e-dagang.

Sila ambil maklum bahawa pengeluaran e-Invois bil sendiri adalah bertujuan untuk mematuhi undang-undang cukai yang berkaitan (contohnya, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Petroleum (Pendapatan) 1967) sahaja dan tidak mengubah sifat transaksi atau tanggungjawab komersial yang berkaitan dengan transaksi tersebut.

- 14.5.3 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois bil sendiri, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
- i. Penjual: Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan
 - ii. Pembeli: Penyedia platform e-dagang (mengambil alih peranan Penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri)
- 14.5.4 Proses pengeluaran e-Invois bil sendiri hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.
- 14.5.5 Penyedia platform e-dagang dibenarkan untuk menyediakan dan mengemukakan e-Invois bil sendiri kepada LHDNM untuk pengesahan mengikut kekerapan pengeluaran penyata (contohnya, harian, mingguan, bulanan, dwi-bulanan) kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan.
- 14.5.6 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois adalah mengikut medan data yang diperlukan seperti yang digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Maklumat berikut boleh membantu Penerima Pendapatan dalam pengeluaran e-Invois:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
1	Nama Penjual	Nama Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Penjual	TIN Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
			<u>Untuk perniagaan asing</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN dan nombor pendaftaran perniagaan Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan, jika ada Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, penyedia platform e-dagang memasukkan “EI00000000030” untuk Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan Sekiranya nombor pendaftaran perniagaan tidak tersedia atau tidak diberikan, penyedia platform e-dagang memasukkan “NA”

3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Penjual	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor pasport / pengenalan MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.
---	---	---	---

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
4	Alamat Penjual	Alamat Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan
5	Nombor Telefon Penjual	Nombor Telefon Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan nombor telefon Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan
6	Nombor Pendaftaran CJP Penjual	Nombor Pendaftaran CJP Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan (jika berkenaan) Penyedia platform e-dagang memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois bil sendiri	Maklumat tambahan
7	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (kod MSIC) Penjual	Kod MSIC Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan kod MSIC Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan (jika berkenaan) Penyedia platform e-dagang memasukkan “00000” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
8	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan angka 3-digit (contohnya, “000” hingga “999”), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

Jadual 14.2 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois bil sendiri

14.6 **Pengeluaran e-Invois daripada penyedia platform e-dagang kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan**

- 14.6.1 Secara amnya, penyedia platform e-dagang akan mengenakan caj kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan untuk penggunaan platform.
- 14.6.2 Selepas pelaksanaan e-Invois, penyedia platform e-dagang bertanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois bagi caj yang dikenakan kepada Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan bagi penggunaan platform.
- 14.6.3 Bagi tujuan pengeluaran e-Invois, peranan kedua-dua pihak adalah seperti berikut:
 - i. Penjual: Penyedia platform e-dagang
 - ii. Pembeli: Pedagang (*merchants*) dan / atau Pembekal Perkhidmatan
- 14.6.4 Proses pengeluaran e-Invois oleh penyedia platform e-dagang hendaklah mengikut aliran kerja terperinci e-Invois yang dinyatakan dalam Seksyen 2.3 (Model e-Invois melalui Portal MyInvois) dan Seksyen 2.4 (Model e-Invois melalui API) Garis Panduan e-Invois.
- 14.6.5 Maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam e-Invois hendaklah mengikut medan data yang ditetapkan seperti mana digariskan dalam Lampiran 1 dan 2 Garis Panduan e-Invois. Butiran berikut boleh membantu penyedia platform e-dagang dalam pengeluaran e-Invois:

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Untuk Perniagaan: Nama perniagaan Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Pembeli	TIN Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	<u>Untuk perniagaan di Malaysia</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan <u>Untuk perniagaan asing</u> Penyedia platform e-dagang memasukkan TIN Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan, jika ada

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
			Sekiranya TIN tidak tersedia atau tidak diberikan, penyedia platform e-dagang memasukkan “ EI00000000020 ” untuk Pedagang (<i>merchants</i>) dan/ atau Pembekal Perkhidmatan Asing
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS)

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
			Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, Penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik), bersama-sama dengan nombor passport / pengenalan MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.
4	Alamat Pembeli	Alamat Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan alamat perniagaan (bagi perniagaan) / alamat kediaman (bagi individu) Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor Telefon Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan nombor telefon Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang dalam e-Invois	Maklumat tambahan
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan (jika berkenaan)	Penyedia platform e-dagang memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pedagang (<i>merchants</i>) dan / atau Pembekal Perkhidmatan (jika berkenaan) Penyedia platform e-dagang memasukkan “NA” sekiranya maklumat tersebut tidak tersedia atau tidak diberikan
7	Pengelasan	Pengelasan produk atau perkhidmatan	Penyedia platform e-dagang memasukkan angka 3-digit (contohnya, “000” hingga “999”), mengikut katalog yang ditetapkan oleh LHDNM

Jadual 14.3 - Butiran yang perlu dimasukkan oleh penyedia platform e-dagang untuk pengeluaran e-Invois

15. KESELAMATAN SIBER

LHDNM akan memastikan Sistem MyInvois mematuhi serta diperakui oleh ISO/IEC 27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Pensijilan Audit ISO 22301 Sistem Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan (BCMS).

16. LAYANAN E-INVOIS SEMASA TEMPOH KELONGGARAN INTERIM

16.1 Bagi memastikan peralihan dan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk memberikan tempoh kelonggaran interim selama enam (6) bulan kepada pembayar cukai, bermula dari tarikh pelaksanaan mandatori bagi setiap fasa pelaksanaan, seperti berikut:

Bil.	Sasaran Pembayar Cukai	Tempoh Kelonggaran Interim
1	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM100 juta.	1 Ogos 2024 hingga 31 Januari 2025
2	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM25 juta dan sehingga RM100 juta	1 Januari 2025 hingga 30 Jun 2025
3	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM5 juta dan sehingga RM25 juta	1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2025
4	Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM5 juta i) Tarikh pelaksanaan 1 Januari 2026 ii) Tarikh pelaksanaan 1 Julai 2026	Sehingga 31 Disember 2027

Jadual 16.1 – Tempoh kelonggaran interim bagi setiap fasa pelaksanaan

- 16.2 Semasa tempoh kelonggaran interim, Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membenarkan pembayar cukai mengguna pakai perkara-perkara berikut:
- (a) mengeluarkan e-Invois yang disatukan untuk semua aktiviti dan transaksi, termasuk industri atau aktiviti yang disenaraikan di bawah Seksyen 3.7 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.
 - (b) mengeluarkan e-Invois bil sendiri yang disatukan untuk semua keadaan bil sendiri seperti yang digariskan di bawah Seksyen 8.3 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.
 - (c) memasukkan sebarang maklumat atau butiran dalam medan "Penerangan Produk atau Perkhidmatan" dalam e-Invois yang disatukan atau e-Invois bil sendiri yang disatukan. Dalam erti kata lain, pembayar cukai tidak dihadkan untuk memasukkan nombor rujukan resit / penyata / bil seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 3 dan 4 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.
 - (d) tidak perlu mengeluarkan e-Invois atau e-Invois bil sendiri bagi setiap transaksi, walaupun pembeli (dalam kes e-Invois) / penjual (dalam kes e-Invois bil sendiri) telah membuat permintaan supaya e-Invois atau e-Invois bil sendiri bagi setiap transaksi dikeluarkan, dengan syarat pembayar cukai mematuhi perkara (a) atau (b) di atas, mengikut kes yang berkenaan.
- 16.3 Selain itu, LHDNM tidak akan mengambil tindakan pendakwaan di bawah Seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967 sepanjang tempoh kelonggaran interim terhadap sebarang ketidakpatuhan kepada keperluan e-Invois, dengan syarat pembayar cukai mematuhi ketetapan yang dinyatakan di bawah Seksyen 16.2 (a) dan (b) Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

17. PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA E-INVOIS

17.1 Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan untuk memudah cara pelaksanaan e-Invois serta menyokong pembayar cukai dalam memastikan pematuhan terhadap keperluan e-Invois, LHDNM telah memperkenalkan Program Khas Pengakuan Sukarela ("PKPS") e-Invois bermula daripada 7 Julai 2026 hingga 31 Disember 2027. PKPS e-Invois ini terpakai kepada:

- a) pembayar cukai yang tidak mengemukakan atau gagal mengemukakan e-Invois bagi mana-mana tempoh bermula daripada tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois;
- b) pembayar cukai yang telah mengemukakan e-Invois tetapi e-Invois tersebut mengandungi kesilapan atau maklumat yang tidak mematuhi spesifikasi dan keperluan yang ditetapkan di bawah perundangan percukaian berkaitan, Garis Panduan e-Invois dan Garis Panduan Spesifik e-Invois ini;
- c) pembayar cukai yang tidak mengemukakan sebarang e-Invois bagi mana-mana tempoh atau transaksi bermula daripada tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois; dan
- d) pembayar cukai yang telah dimaklumkan mengenai lawatan semakan pematuhan e-Invois atau yang sedang dalam tindakan semakan pematuhan e-Invois oleh LHDNM.

17.2 Pengakuan sukarela yang dibuat di bawah PKPS e-Invois akan diterima oleh LHDNM, tertakluk kepada pembayar cukai membuat pengakuan dengan suci hati serta mematuhi keperluan yang ditetapkan bagi tujuan PKPS e-Invois. Pembayar cukai bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengakuan sukarela yang dibuat adalah tepat dan dikemukakan dengan sewajarnya mengikut keperluan yang ditetapkan oleh LHDNM.

- 17.3 Semakan pematuhan e-Invois dan tindakan penguatkuasaan (termasuk pengenaan penalti dan tindakan pendakwaan) tidak akan dilaksanakan oleh LHDNM berhubung dengan e-Invois yang dikemukakan di bawah PKPS e-Invois.
- 17.4 Perenggan 17.3 tidak terpakai sekiranya:
- a) e-Invois yang dikemukakan di bawah PKPS e-Invois tidak mematuhi spesifikasi dan keperluan yang ditetapkan di bawah perundangan percukaian berkaitan, Garis Panduan e-Invois dan Garis Panduan Spesifik e-Invois ini; atau
 - b) pengakuan sukarela yang dibuat mengandungi unsur penipuan, keingkaran yang disengajakan atau kecuaiian.
- 17.5 Pembayar cukai yang mengambil bahagian dalam PKPS e-Invois dikehendaki menggunakan versi e-Invois yang ditetapkan iaitu “PKPS 1.2” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois tanpa tandatangan digital) atau “PKPS 1.3” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois dengan tandatangan digital) semasa mengemukakan e-Invois di bawah PKPS e-Invois. Versi e-Invois “PKPS 1.2” atau “PKPS 1.3” hanya boleh digunakan bagi tujuan membuat pengakuan sukarela di bawah PKPS e-Invois dan tidak boleh digunakan untuk pengemukakan e-Invois selain di bawah PKPS e-Invois.
- 17.6 Sekiranya pengakuan sukarela melibatkan e-Invois disatukan yang belum dikemukakan sebelum ini, e-Invois disatukan tersebut hendaklah dikemukakan mengikut bulan transaksi yang berkaitan dan tidak boleh dikemukakan secara sekaligus bagi meliputi beberapa bulan transaksi.

Contoh 23

Starship Sdn. Bhd. telah gagal mengemukakan e-Invois disatukan bagi transaksi yang dilaksanakan daripada Januari hingga April 2026.

Dalam tempoh PKPS e-Invois, Starship Sdn. Bhd. berhasrat untuk memperbetulkan pematuhan e-Invois dengan mengemukakan e-Invois disatukan yang berkaitan kepada LHDNM.

Starship Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakan empat (4) e-Invois disatukan secara berasingan, iaitu satu (1) e-Invois disatukan bagi setiap bulan (dengan syarat tiada permintaan e-Invois bagi setiap transaksi daripada pembeli). Starship Sdn. Bhd. tidak dibenarkan untuk menggabungkan semua transaksi bagi tempoh empat (4) bulan tersebut ke dalam satu (1) pengemukakan e-Invois disatukan.

e-Invois disatukan yang dikemukakan di bawah PKPS e-Invois hendaklah menggunakan versi e-Invois “PKPS 1.2” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois tanpa tandatangan digital) atau “PKPS 1.3” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois dengan tandatangan digital).

Contoh 24

Nutrion Sdn. Bhd. telah gagal mengemukakan e-Invois bagi transaksi yang dilaksanakan pada Februari 2026. Transaksi tersebut terdiri daripada 10 transaksi dengan nilai di bawah RM10,000 setiap satu dan Transaksi Z dengan nilai RM12,000.

Dalam tempoh PKPS e-Invois, Nutrion Sdn. Bhd. berhasrat untuk memperbetulkan pematuhan e-Invois.

Memandangkan nilai Transaksi Z melebihi RM10,000, Nutrion Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakan e-Invois bagi setiap transaksi untuk Transaksi Z. Bagi baki 10 transaksi dengan nilai di bawah RM10,000 setiap satu, Nutrion Sdn. Bhd. dibenarkan untuk mengemukakan e-Invois disatukan (dengan syarat tiada permintaan e-Invois bagi setiap transaksi daripada pembeli).

e-Invois bagi setiap transaksi untuk Transaksi Z dan e-Invois disatukan bagi baki 10 transaksi tersebut hendaklah dikemukakan menggunakan versi e-Invois “PKPS 1.2” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois tanpa tandatangan digital) atau “PKPS 1.3” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois dengan tandatangan digital) bagi tujuan PKPS e-Invois.

Contoh 25

Rich Kitten Sdn. Bhd. mempunyai pendapatan tahunan melebihi RM100 juta dan dikehendaki melaksanakan e-Invois mulai 1 Ogos 2024 (iaitu Fasa 1). Tempoh kelonggaran interim bagi pembayar cukai Fasa 1 telah berakhir pada 31 Januari 2025.

Rich Kitten Sdn. Bhd. telah mengenal pasti bahawa beberapa e-Invois bil sendiri berkaitan dengan transaksi yang dilaksanakan daripada Januari hingga Mac 2026 tidak dikemukakan kepada LHDNM.

Dalam tempoh PKPS e-Invois, Rich Kitten Sdn. Bhd. berhasrat untuk memperbetulkan pematuhan e-Invois dengan mengemukakan e-Invois bil sendiri yang berkaitan kepada LHDNM.

Memandangkan transaksi tersebut dilaksanakan selepas tamat tempoh kelonggaran interim, Rich Kitten Sdn. Bhd. hendaklah mengemukakan e-Invois bil sendiri mengikut keperluan yang ditetapkan di bawah perundangan percukaian berkaitan, Garis Panduan e-Invois dan Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

Sehubungan itu, Rich Kitten Sdn. Bhd. dikehendaki mengemukakan e-Invois bil sendiri bagi setiap transaksi, kecuali bagi transaksi yang disenaraikan di bawah perenggan 3.6.5 Garis Panduan Spesifik e-Invois ini.

e-Invois bil sendiri tersebut hendaklah dikemukakan menggunakan versi e-Invois “PKPS 1.2” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois tanpa tandatangan digital) atau “PKPS 1.3” (bagi pembayar cukai yang mengemukakan e-Invois dengan tandatangan digital) bagi tujuan PKPS e-Invois.

LAMPIRAN 1 – SENARAI TIN UMUM

Bil.	TIN Umum	Terpakai bagi transaksi berikut
1	“EI00000000010” sebagai TIN Umum Awam	i. TIN Pembeli individu (iaitu, Penjual, Pembeli, Penerima Penghantaran) dalam e-Invois untuk individu warganegara Malaysia di mana individu hanya memberikan nombor pengenalan MyKad / MyTentera ii. TIN Pembeli dalam e-Invois yang disatukan iii. TIN Penjual dalam e-Invois bil sendiri yang disatukan
2	“EI00000000020” sebagai TIN Pembeli Asing / Penerima Penghantaran Asing	i. TIN Pembeli dalam e-Invois untuk individu bukan warganegara Malaysia di mana pembeli individu hanya memberikan nombor pasport / pengenalan MyPR / MyKAS ii. TIN Pembeli untuk transaksi eksport di mana TIN pembeli asing tidak tersedia dan tidak diberikan iii. TIN Penerima Penghantaran di mana TIN penerima penghantaran asing tidak tersedia atau tidak disediakan
3	“EI00000000030” sebagai TIN Penjual Asing	i. TIN Penjual dalam e-Invois untuk individu bukan warganegara Malaysia di mana penjual individu hanya memberikan nombor pasport / MyPR / MyKAS (terpakai untuk e-Invois bil sendiri)

		ii. TIN Penjual untuk transaksi import di mana TIN penjual asing tidak tersedia atau tidak diberikan (terpakai untuk e-Invois bil sendiri)
4	"EI00000000040" sebagai TIN Pembeli	TIN pembeli untuk transaksi yang melibatkan orang berikut: • Kerajaan • Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Negeri • Pihak Berkuasa Kerajaan • Pihak Berkuasa Tempatan • Pihak Berkuasa Berkanun dan Badan Berkanun • Institusi yang dikecualikan dan tidak didaftar dengan TIN

Jadual Lampiran 1 - Senarai TIN Umum

LAMPIRAN 2 – BUTIRAN PEMBELI DALAM E-INVOIS YANG DISATUKAN

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli	Penjual memasukkan “Umum” dalam e-Invois
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli	Penjual memasukkan “EI00000000010” dalam e-Invois
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport	Penjual memasukkan “NA”
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli	Penjual memasukkan “NA”
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli	Penjual memasukkan “NA”
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CPJ Pembeli	Penjual memasukkan “NA”

7	Penerangan Barangan / Perkhidmatan	Butiran produk atau perkhidmatan yang dibilkan untuk transaksi dengan pelanggan	LHDNM membenarkan Penjual untuk mengguna pakai satu (atau gabungan) daripada kaedah-kaedah berikut: (a) Ringkasan bagi setiap resit dimasukkan sebagai baris item yang berasingan (b) Senarai resit (mengikut nombor resit yang berturutan) dimasukkan sebagai baris item (sekiranya terdapat rantaian nombor resit yang terputus, rantaian nombor resit yang seterusnya hendaklah dimasukkan sebagai baris item yang baharu) (c) Cawangan atau lokasi hendaklah mengemukakan e-Invois yang disatukan menggunakan sama ada kaedah (a) atau (b) di atas untuk resit-resit yang dikeluarkan oleh cawangan atau lokasi tersebut
---	------------------------------------	---	--

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
			Sila ambil perhatian bahawa mana-mana kaedah yang diguna pakai oleh perniagaan, nombor rujukan resit bagi setiap transaksi hendaklah dimasukkan di bawah medan ini dalam e-Invois yang disatukan

Jadual Lampiran 2 - Butiran Pembeli dalam e-Invois yang disatukan

LAMPIRAN 3 – PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PENGELUARAN E-INVOIS BIL KENDIRI

Untuk tujuan pengeluaran e-Invois bil sendiri, pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Transaksi	Penjual	Pembeli (mengambil alih peranan sebagai Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri)
1	Bayaran kepada ejen, pengedar, pengagih, dan lain-lain	Ejen, pengedar, pengagih dan lain-lain	Pembayar cukai yang membuat pembayaran
2	Barangan yang dijual atau perkhidmatan yang disediakan oleh penjual asing	Penjual Asing	Pembeli Malaysia
3	Agihan keuntungan (contohnya agihan dividen)	Penerima agihan	Pembayar cukai yang membuat agihan
4	e-Dagang	Pedagang, pembekal perkhidmatan (contohnya, pemandu e-hailing, penunggang p-hailing)	Platform e-Dagang / Perantara
5	Pembayaran kepada semua pemenang pertaruhan (<i>betting</i>) dan perjudian (<i>gaming</i>)	Penerima pembayaran	Penyedia pertaruhan dan permainan berlesen

Bil.	Transaksi	Penjual	Pembeli (mengambil alih peranan sebagai Penjual dan mengeluarkan e-Invois bil sendiri)
6	Transaksi dengan individu yang tidak menjalankan perniagaan	Individu yang tidak menjalankan perniagaan	Orang yang menjalankan transaksi dengan individu yang tidak menjalankan perniagaan
7	Bayaran faedah	Penerima bayaran faedah	Pembayar cukai yang membuat bayaran faedah
8	Tuntutan, pampasan atau bayaran faedah daripada perniagaan insurans oleh penanggung insurans	Pemegang Polisi / Penerima Manfaat	Penanggung Insurans
9	Pembayaran berkaitan dengan pengurangan modal, penebusan saham / modal / unit, pembelian balik saham, pemulangan modal atau hasil pembubaran	Pelabur	Penerima pelaburan

Jadual Lampiran 3 - Pihak yang terlibat dengan pengeluaran e-Invois bil sendiri

LAMPIRAN 4 – BUTIRAN PEMBELI BAGI TRANSAKSI DENGAN INDIVIDU

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
1	Nama Pembeli	Nama Pembeli individu	Untuk individu warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di MyKad / MyTentera Untuk individu bukan warganegara Malaysia: Nama penuh seperti di pasport / MyPR / MyKAS
2	TIN Pembeli	TIN Pembeli individu	<u>Untuk individu warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
3	Nombor Pendaftaran / Pengenalan / Pasport Pembeli	Butiran nombor pendaftaran / pengenalan / pasport Pembeli	ii. Pilihan 2: Nombor pengenalan MyKad / MyTentera sahaja iii. Pilihan 3: Kedua-duanya (TIN dan nombor pengenalan MyKad / MyTentera) <u>Untuk individu bukan warganegara Malaysia</u> i. Pilihan 1: TIN sahaja ii. Pilihan 2: Kedua-duanya (TIN dan nombor pasport / MyPR / MyKAS) Untuk penjelasan, (i) merujuk kepada TIN yang didaftarkan oleh LHDNM. Sekiranya individu bukan warganegara Malaysia tidak mempunyai TIN, penjual boleh menggunakan TIN umum (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran 1 Garis Panduan Spesifik e-Invois), bersama-sama dengan nombor passport / pengenalan MyPR / MyKAS bagi individu tersebut.

Bil.	Medan data	Butiran yang perlu dimasukkan oleh Penjual dalam e-Invois	Maklumat tambahan
4	Alamat Pembeli	Alamat Pembeli individu	Pembeli individu dikehendaki memberikan alamat kediaman
5	Nombor Telefon Pembeli	Nombor telefon Pembeli individu	Pembeli individu dikehendaki memberikan nombor telefon
6	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli	Nombor Pendaftaran CJP Pembeli individu (jika berkenaan)	Penjual memasukkan Nombor Pendaftaran CJP Pembeli individu (jika berkenaan) Penjual memasukkan “NA” sekiranya Pembeli individu tidak mendaftar Nombor CJP

Jadual Lampiran 4 - Butiran Pembeli bagi transaksi dengan individu

LAMPIRAN 5 – SOALAN LAZIM (FAQ) UMUM DAN SPESIFIK INDUSTRI

Dokumen soalan lazim (FAQ) yang disediakan di bawah, kedua-dua umum dan industri spesifik, disusun dalam format soal jawab untuk memudahkan pemahaman pembayar cukai mengenai e-Invois. Harap maklum bahawa FAQ ini mungkin disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pembayar cukai hendaklah merujuk kepada laman mikro e-Invois LHDNM untuk panduan terkini.

Bil.	Industri	Pautan FAQ
1.	Umum	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/lhdnm-e-invoice-general-fags.pdf
2.	Penjagaan Kesihatan	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-penjagaan-kesihatan.pdf
3.	Pembinaan	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/lhdnm_industri-pembinaan_soalan-lazim-spesifik.pdf
4.	Telekomunikasi	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/lhdnm_soalan-lazim-spesifik-industri_telekomunikasi_microsite_bm.pdf
5.	e-Dagang	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/lhdnm_soalan-lazim-spesifik_industri-e-dagang_microsite_bm.pdf
6.	Operasi Petroleum	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-operasi-petroleum.pdf
7.	Insurans dan Takaful	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-insurans-dan-takaful.pdf

Bil.	Industri	Pautan FAQ
8.	Penerbangan	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-penerbangan.pdf
9.	Pelancongan	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-pelancongan.pdf
10.	Perkhidmatan Kewangan, Pembrokeran Saham, Unit Amanah dan Perkhidmatan Pengurup Wang	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-perkhidmatan-kewangan-pembrokeran-saham-unit-amanah-dan-perkhidmatan-pengurup-wang.pdf
11.	Derma atau Sumbangan	https://www.hasil.gov.my/wp-content/uploads/soalan-lazim-spesifik-derma-atau-sumbangan.pdf

Jadual Lampiran 5 – Soalan Lazim Umum dan Spesifik Industri